

Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (SMPC)

**Kurikulum Standard  
Pendidikan Seni Persembahan dan  
Kehidupan  
(Tingkatan Menengah Rendah)**

Mengundang sebagai Ahli Jawatankuasa Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan bagi  
Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu Sesi Ke-26 (2022-2024)

Disusun oleh:

Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu  
Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina  
Malaysia  
Julai 2022

# Kandungan

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| 1. Pendahuluan .....                          | 1  |
| 2. Matlamat Umum .....                        | 1  |
| 3. Literasi Teras.....                        | 2  |
| 4. Idea .....                                 | 8  |
| 5. Matlamat Kurikulum .....                   | 10 |
| 6. Struktur Kurikulum.....                    | 12 |
| 7. Kandungan Kurikulum .....                  | 16 |
| 8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran ..... | 27 |
| 9. Cadangan Pentaksiran.....                  | 29 |
| 10. Pelaksanaan.....                          | 47 |
| 11. Lampiran                                  |    |
| Lampiran 1 .....                              | 48 |
| Lampiran 2 .....                              | 49 |

## Senarai Jadual

|                     |    |
|---------------------|----|
| Jadual 1 .....      | 4  |
| Jadual 2 .....      | 10 |
| Jadual 3 .....      | 15 |
| Jadual 4 .....      | 16 |
| Jadual 5 .....      | 23 |
| Jadual 6 .....      | 23 |
| Jadual 7a & b ..... | 26 |

|                      |    |
|----------------------|----|
| Jadual 8 .....       | 30 |
| Jadual 9a & 9b ..... | 39 |
| Jadual 10 .....      | 41 |
| Jadual 11.....       | 42 |
| Jadual 12.....       | 43 |
| Jadual 13 .....      | 45 |
| Jadual 14 .....      | 46 |

## **Senarai Rajah**

|               |    |
|---------------|----|
| Rajah 1 ..... | 3  |
| Rajah 2 ..... | 7  |
| Rajah 3 ..... | 13 |
| Rajah 4 ..... | 48 |

## 1. Pendahuluan

‘Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi’ merupakan visi pendidikan yang disarankan dalam ‘Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)’; visi pendidikan ini adalah untuk menjadikan SMPC sebagai syurga pembelajaran di mana guru dan pelajar ceria menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan di SMPC sihat dan aktif menjalankan pembelajaran. Pelajar SMPC bukan sekadar dapat bersaing di tanah air sendiri, malah juga dapat bertanding di arena antarabangsa, pendidikan SMPC menjamin masa depan mereka. Objektif pembaharuan pendidikan ini adalah untuk memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti sendiri. Usaha ini untuk melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai sendiri, berani menerokai, berinovasi, berani menyahtu cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, mereka juga dapat mewujudkan kebahagiaan dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan. Demi melaksanakan dan menerapkan visi dan objektif yang dibincangkan di atas, Jawatankuasa Kurikulum Bersama telah mengemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC (disingkatkan dengan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum seterusnya) pada Mac 2020 untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pembaharuan dan pengembangan kurikulum SMPC.

Matlamat pembaharuan pendidikan SMPC adalah melahirkan ‘insan pembelajaran sepanjang hayat’, pembaharuan pendidikan ini juga menitikberatkan kandungan kurikulum setiap mata pelajaran dan mewujudkan peluang untuk pembelajaran merentas kurikulum, demi memupuk pelajar untuk belajar sendiri, kerjasama dan berkomunikasi serta keterlibatan dalam sosial. Standard kurikulum setiap mata pelajaran digubal mengikut prinsip dan hala tuju yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum dan memperbaiki idea, objektif, literasi, struktur kurikulum dan kandungan pelajaran, cadangan pengajaran dan pembelajaran dan cadangan pentaksiran yang terkandung dalam standard kurikulum. Dari aspek pelaksanaan kurikulum, haruslah menitikberatkan keanjalan dan pilihan, menggalakkan pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan inkuiri dan sebagainya; dari aspek pentaksiran, menggalak menggunakan pelbagai jenis penilaian supaya dapat membangunkan kepelbagaian potensi pelajar. Penggubalan standard kurikulum SMPC hendaklah selaras dengan visi Pelan Induk Pendidikan SMPC dan cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum demi pembangunan kurikulum setiap mata pelajaran di SMPC.

## 2. Matlamat Umum

Pendidikan SMPC adalah satu usaha yang berkesinambungan iaitu selain mewarisi kebudayaan Cina, ia juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti sendiri. Usaha ini adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai sendiri, berani menerokai, berinovasi, berani menyahtu cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, mereka juga mampu melahirkan kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan.

### **2.1. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR)**

- a. Membina pelajar mencapai pembangunan secara holistik dan beridentiti sendiri dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik.
- b. Memupuk pelajar berkemampuan untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya mempunyai kelengkapan untuk pembelajaran sendiri.
- c. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar untuk mengejar prestasi yang cemerlang.
- d. Membina pelajar untuk bersikap positif dan proaktif dalam menghadapi kehidupan.
- e. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaian budaya, beridentiti kenegaraan, dan berperspektif global.

### **2.2. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT)**

- a. Membangunkan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik supaya membuat persiapan menceburi dalam bidang kerjaya dan keusahawanan, pembelajaran dan kehidupan pada masa hadapan.
- b. Membangunkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran sendiri serta memupuk keinginan mencari ilmu, berkemahiran berfikir, berkemampuan mengkritik, kreatif dan berinovasi.
- c. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta insan sedunia.
- d. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri, serta berkeyakinan menghadapi masa hadapan dan berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan pengalihan era.
- e. Memupuk pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara, dapat menghormati kepelbagaian budaya serta berperspektif global.
- f. Mengadakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya, supaya pelajar dapat belajar dan berkomunikasi dalam masyarakat yang berlainan budaya.

## **3. Literasi Teras**

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum digubal berasaskan sembilan literasi teras, iaitu enam literasi teras yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC dan ditambahkan lagi tiga literasi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Literasi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, kemampuan nilai dan sikap. Kandungan literasi teras ini akan diuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMT dan TMR.



**Rajah 1: Struktur Literasi Teras**

Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC iaitu melahirkan insan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga konsep, iaitu belajar sendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam sosial. Setiap konsep merangkumi tiga tunjang, kandungan setiap tunjang diterangkan di Jadual 1.


**Jadual 1: Kandungan Literasi Teras dan Imej Pelajar TMR dan TMT**

| <b>Idea</b>                             | <b>Literasi Teras</b>                                     | <b>Keterangan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>TMR</b>                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>TMT</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Imej Pelajar</b>                                          |
|-----------------------------------------|-----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| <b>A. Belajar Kendiri</b>               | <b>A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika</b> | Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental serta perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengaplikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan untuk penyesuaian dalam setiap peringkat kehidupan yang dikejar demi kesihatan fizikal dan mental, bersikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan.                                                                                                                                    | Mempunyai kesedaran perkembangan fizikal dan mental yang sihat, penghayatan nilai positif termasuk keindahan dan harga diri untuk berkongsi pengalaman kehidupan, menghayati keindahan hidup dan makna hidup.                                                                            | Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kesucian manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan sendiri untuk melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.                     | <b>Individu yang Sayang kepada Diri Sendiri</b>              |
|                                         | <b>A2. Penggunaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi</b>      | Berkemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan komunikasi dan berinteraksi supaya mendapat manfaat secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengatasi rintangan yang dihadapi. | Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi.                                                                                                  | Berkemampuan mengaplikasikan penggunaan simbol komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat kongsi pengalaman dan pendapatan serta memanfaatkan kreativiti untuk menyelesaikan masalah.                                              | <b>Individu yang Berpengetahuan</b>                          |
|                                         | <b>A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah</b>     | Berkemahiran menerokai, mengkritik dan menaakul, serta berinovasi, menguasai kemahiran pembelajaran sendiri untuk menangani masalah dalam kehidupan harian serta membuat keputusan yang sewajarnya dalam perubahan masyarakat sosial.                                                                                                                                                                                                                                              | Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran sendiri, menerokai, mengkritik dan menaakul serta berinovasi dalam penggunaan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu kehidupan.                                                                                 | Mempunyai kemahiran aras tinggi untuk menerokai, mengkritik, menaakul serta berinovasi dengan lebih mendalam untuk memupuk pembelajaran sendiri, pada masa yang sama dapat menerokai bidang lain, dan dapat menyelesaikan masalah harian dan cabaran kehidupan.                                           | <b>Individu yang Berkemampuan dalam Penyelesaian Masalah</b> |
| <b>B. Berkomunikasi dan Bekerjasama</b> | <b>B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif</b>               | Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan kehidupan harian dan pembelajaran, sedar akan kepentingan tanggungjawab sosial, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi perderitaan atau rintangan,                                                                                                                                                                                     | Menerokai nilai diri sendiri dan nilai persekitarannya, mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif. | Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, menerokai antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menangani konflik dan mengamalkan nilai dan bersikap positif berani membuat keputusan yang rasional | <b>Individu yang Mempunyai Kasih Sayang</b>                  |

| Idea                                | Literasi Teras                                           | Keterangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | TMR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | TMT                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Imej Pelajar                                       |
|-------------------------------------|----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
|                                     |                                                          | dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | semasa menghadapi penderitaan dan rintangan.                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                    |
|                                     | <b>B2. Kepemimpinan dan Berpasukan</b>                   | Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang, berkemampuan berkomunikasi dan koordinasi, menyertai aktiviti sosial dan perkhidmatan serta kerjasama berpasukan.                                                                                                                                                                           | Berkemampuan mengurus sendiri dan mempunyai tabiat yang baik, suka tolong-menolong, menjalin hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan.                                                                                                                                                                                                 | Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, serta meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerjasama berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugas.                                                   | <b>Individu yang Dapat Kerja Berpasukan</b>        |
|                                     | <b>B3. Literasi Bahasa dan Berkomunikasi</b>             | Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat antarabangsa, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik di pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan. | Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkatkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis, sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi. | Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi kegunaan dalam pembelajaran dan kerjaya pada masa depan. | <b>Individu yang Berkemampuan Komunikasi</b>       |
| <b>C. Keterlibatan dalam Sosial</b> | <b>C1. Sikap, Nilai dan Kemanusiaan</b>                  | Berakhlak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara.                                                                                                                                                          | Berakhlak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang.                                                                                                                                                                               | Mengambil berat tentang isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi dan mengambil berat terhadap masyarakat, memantau isu-isu semasa daripada pelbagai sudut.                                                                                                                                 | <b>Individu yang Bersikap Terbuka</b>              |
|                                     | <b>C2. Identiti Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya</b>   | Beridentiti budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagai budaya dalam negara, bangga sebagai rakyat Malaysia, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara.                                                                                        | Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat isu hal negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan perkhidmatan.                                                                                                                                                                          | Beridentiti budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan negara demi kebahagiaan manusia.              | <b>Individu yang Bersemangat Patriotik</b>         |
|                                     | <b>C3. Bersikap Global dan Pembangunan Secara Mampan</b> | Mengambil berat isu global dan keadaan antarabangsa, serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan manusia masa depan, berkonsep pembangunan                                                                                                                                                                                                                          | Mengenali isu global dan keadaan antarabangsa, dapat meluahkan pendapat terhadap isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan                                                                                                                                                                               | Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan antarabangsa, dapat berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi                                                                                                                    | <b>Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari</b> |

| <b>Idea</b> | <b>Literasi Teras</b> | <b>Keterangan</b>                   | <b>TMR</b>                                                                   | <b>TMT</b>                                                                                                          | <b>Imej Pelajar</b> |
|-------------|-----------------------|-------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
|             |                       | lestari dan menghargai sumber bumi. | menghargai sumber bumi, mengambil berat isu alam sekitar dan isu masyarakat. | kesejahteraan manusia masa depan, menyertai kempen melindungi persekitaran dan aktiviti menegakkan keadilan sosial. |                     |

**Rajah 2: Hubungan antara Konsep dengan Literasi Teras dan Objektif Pendidikan**



## **4. Idea**

Seni persembahan merupakan satu bentuk ekspresi yang meliputi drama, tarian dan muzik. Dengan menggunakan badan dan bunyi sebagai medium utama ekspresi, kita memaham, meneroka dan bertindak balas terhadap dunia dari perspektif yang berbeza melalui perasaan, imaginasi, fikiran, ekspresi, penghayatan, dan perkongsian. Oleh itu, seni persembahan menjadi salah satu cara untuk menyampaikan pendidikan estetik di sekolah. Kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” dibangunkan dengan merangkumi sembilan literasi teras, demi mempraktikkan semangat pendidikan yang holistik. Berikut adalah konsep asas kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan”:

### **4.1. Membangunkan Naluri Persepsi**

Seni persembahan dihasil berdasarkan perasaan yang kompleks daripada dalaman individu dan interaksi dengan dunia luaran. Melalui kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan”, pelajar dapat membangunkan naluri persepsi mereka. Dari aspek dalaman, pelajar boleh meneroka perubahan nuansa emosi, minda dan perasaan; dari segi luaran, pelajar boleh meningkatkan kepekaan dan ketelitian dalam memerhati butiran-butiran alam persekitaran seperti bentuk, bunyi, ekspresi, bau dan sebagainya. Pengalaman persepsi yang kaya boleh disalurkan menjadi daya motivasi untuk menghasilkan kreasi dan ekspresi.

### **4.2. Meluahkan Emosi Peribadi**

Apabila pelajar dapat menghubungkaitkan minda dan badan, serta menyedari keadaan kekendirian, mereka boleh meluahkan emosi peribadi dan berkongsi pengalaman melalui seni persembahan melalui ekspresi bunyi atau gerak badan. Dalam dunia yang pantas berubah dan informasi yang terlampau penuh, seni persembahan boleh membantu pelajar menyesuaikan diri, menghilangkan tekanan dan meluahkan emosi sendiri melalui pembelajaran kemahiran seni, pengkaryaan dan pementasan.

### **4.3. Memupuk Semangat Inovasi**

Seni persembahan sentiasa berusaha untuk mencapai kepelbagaian, mencabar standard yang tunggal, mencip pelbagai estetika dan kaedah ekspresi, belajar meneroka dunia dari perspektif yang berbeza dan pandangan baharu. Melalui kursus ini, pelajar boleh membangunkan daya kreativiti dan kemahiran yang berbeza, membina semangat inovasi, dan meningkatkan keupayaan adaptasi diri terhadap pelbagai perubahan. Selain itu, pelajar didedahkan kepada pelbagai pemahaman nilai konteks budaya, dan seterusnya menghormati perbezaan serta meraikan kepelbagaian.

### **4.4. Menyemai Sikap Penghayatan Estetika dalam Kehidupan**

Tunjang utama kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” adalah untuk menyedari dan menghargai keberadaan dan perasaan manusia melalui pengalaman kehidupan. Pelajar boleh memperhaluskan apa yang dilihat, difikir dan dirasai, lalu dimanifestasikan ke dalam bentuk seni persembahan. Melalui pelbagai aktiviti, kandungan kursus ini membolehkan pelajar menghubungkaitkan minda dan badan, meningkatkan kepekaan perasaan terhadap kehidupan, memerhati butiran alam kehidupan serta menghayati pengalaman keindahan. Bermula daripada menyemai benih sikap kesedaran estetika dalam kehidupan harian, benih ini akan berkembang menjadi penghargaan terhadap keindahan kemasyarakatan, kebudayaan dan kesenian dalam konteks yang lebih meluas.

#### **4.5. Meneroka Hubungan antara Manusia**

Selain menjadi cerminan kepada kehidupan dan zaman, seni persembahan juga meneroka topik yang berkaitan dengan “manusia” sejak dahulu lagi, melalui persembahan yang menghubungkan diri, orang lain dan alam sekitar. Kursus seni persembahan yang menekankan pembelajaran melalui imitasi, pementasan, pengkaryaan dan penghayatan persembahan, membolehkan pelajar memahami aspek dan dimensi kemanusiaan yang berbeza, mengelakan pandangan sempit tentang manusia, serta meningkatkan keupayaan kemahiran pemerhatian, komunikasi dan tindak balas.

#### **4.6. Latihan Persembahan, Pengkaryaan dan Penghasilan Produksi**

Berlandaskan siri pengajaran yang bertema, kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” membimbing pelajar untuk mengeksplorasi pelbagai kemungkinan dalam ekspresi gerak dan bunyi, mencungkil bakat-bakat individu, dan seterusnya memperhalusi teknik persembahan dan kemahiran kreatif. Selain itu, kursus ini juga menawarkan peluang latihan praktikal, yang membolehkan pelajar memperoleh pengalaman dalam menganjurkan produksi pementasan, mengenali panggung persembahan dan prosedur proses pelaksanaan tugas, termasuk pengkaryaan, persembahan, pengurusan seni, manipulasi teknologi pentas dan lain-lain lagi. Kursus ini amat menekankan latihan “belajar melalui pengalaman”. Dalam proses pengalaman praktikal secara fizikal, pelbagai kecerdasan pelajar boleh dicungkilkan. Pelajar juga didedahkan kepada pembelajaran dan pemahaman kemahiran lain di luar bidang seni persembahan.

#### **4.7. Pengembangan Kekuatan Individu dan Semangat Berpasukan**

Kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” mengamalkan konsep kolaborasi secara kolektif. Dalam proses penyediaan persembahan, pelajar harus bergotong-royong dan bekerjasama, untuk memahami pelbagai keperluan yang khusus dari belakang tabir sehingga ke pengurusan barisan depan. Dalam pada itu, pelajar boleh menunjukkan kekuatan masing-masing dalam penyelesaian masalah. Kesemua ahli jawatankuasa adalah saling berkaitan dan diperlukan. Oleh itu, pasukan produksi pementasan amat menekankan kepentingan semangat perpaduan, pengurusan pasukan, serta kemahiran komunikasi.

#### **4.8. Jalinan Komuniti dan Industri**

Penciptaan dan perkongsian hasil karya seni persembahan sebagai satu pengalaman kehidupan tidak terhad kepada individu tertentu sahaja. Malah melalui penglibatan daripada komuniti dan industri, seni persembahan harus dinikmati sebagai satu pengalaman kolektif yang boleh diwariskan dan diperbahaskan oleh golongan umum. Oleh itu, kursus seni persembahan ini akan memperkenalkan kegiatan dan rangkaian industri seni persembahan yang berkaitan seperti festival seni, industri budaya dan kreatif, budaya popular, kegiatan komuniti dan lain-lain lagi, supaya pelajar boleh memahami kepentingan, pelestarian dan kemampuan perkembangan ekologi seni persembahan.

#### **4.9. Meneroka Sosial dan Persekitaran, Pemeliharaan Budaya dan Warisan**

Seni persembahan adalah berkait rapat dengan kehidupan, masyarakat, kebudayaan, etnik, kenegaraan, dan ekologi. Daripada kursus seni persembahan, pelajar boleh mengenali khazanah kebudayaan negara, dan seterusnya memberi perhatian kepada keberadaan masyarakat di samping menjelajah kehidupan. Pelajar boleh bertindak balas terhadap isu sosial serta mewarisi nilai-nilai

insaniah melalui kaedah seni persembahan yang berbentuk artistik seperti manipulasi gerak badan dan ekspresi bunyi.

## 5. Matlamat Kurikulum

Seni persembahan bertujuan untuk menyemaikan nilai artistik di kalangan pelajar dan menyampai kualiti pembelajaran sepanjang hayat yang menyeluruh. Berdasarkan Struktur Literasi Teras sebagai standard, objektif kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Penyelarasan Matlamat Kurikulum dengan Literasi Teras**

| Literasi Teras          |                                                               | Matlamat Kurikulum                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                         |                                                               | Pada peringkat akhir pembelajaran, pelajar dapat: |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| A<br>Belajar<br>Kendiri | A1<br>Keseimbangan<br>Fizikal dan<br>Mental serta<br>Estetika | CO1                                               | <b>Penghubungan dan integrasi antara badan dan minda:</b> Meningkatkan keupayaan persepsi penglihatan, pendengaran, bau, rasa, sentuhan, dan perasaan; meningkatkan kesedaran untuk pemerhatian diri dan orang lain; menggalakkan ekspresi fizikal dan mental melalui seni; meningkatkan keupayaan penghayatan estetik, dan seterusnya mencapai fungsi penyesuaian diri.                                                  |
|                         | A2<br>Penggunaan<br>Ilmu<br>Pengetahuan<br>dan Teknologi      | CO2                                               | <b>Mengenali pengetahuan berkaitan dengan seni persembahan, serta mengembangkan kemahiran persembahan dan pengkaryaan:</b> Mempelajari pelbagai kemahiran dan pengetahuan persembahan; menggunakan multimedia untuk tujuan pengkaryaan dan perkongsian hasil karya; memanfaatkan teknologi untuk pencarian sumber pembelajaran, seperti memahami karya klasik, seni pentas, pengurusan dan pemasaran, dan lain-lain lagi. |
|                         | A3<br>Pemikiran<br>Kreatif dan<br>Penyelesaian<br>Masalah     | CO3                                               | <b>Menggalakkan daya imaginasi dan membangunkan pemikiran kreatif melalui pelbagai pengalaman seni dan kehidupan:</b> Perasaan ingin tahu menjadi motivasi untuk penerokaan dan pembelajaran; membangunkan perspektif dan saluran baharu untuk pelbagai kognisi; membangunkan mod pemikiran kreatif; berani menghasilkan inovasi dan percubaan baharu; serta mengamalkan praktis pengkaryaan.                             |

| Literasi Teras                        |                                               | Matlamat Kurikulum                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|---------------------------------------|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                       |                                               | Pada peringkat akhir pembelajaran, pelajar dapat: |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| B<br>Komunikasi<br>dan<br>Bekerjasama | B1<br>Sikap Proaktif<br>dan Nilai<br>Positif  | CO4                                               | <b>Membina keyakinan diri dan mengembangkan perasaan empati:</b> Menyedari nilai dan kepentingan sendiri serta meningkatkan keyakinan diri; meningkatkan kepekaan dalam pemerhatian persekitaran; belajar bersikap empati dan penyayang demi memperoleh hubungan interpersonal yang positif dan sihat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|                                       | B2<br>Kepemimpinan<br>dan<br>Berpasukan       | CO5                                               | <b>Merancang dan melaksanakan projek persembahan:</b> Penyertaan dan perancangan aktiviti seni persembahan boleh meningkatkan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan ekspresi, pengurusan kepimpinan, perancangan organisasi serta pengukuhan pasukan, yang boleh digunakan untuk kehidupan dan pembangunan kerjaya masa depan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|                                       | B3<br>Literasi Bahasa<br>dan<br>Berkomunikasi | CO6                                               | <b>Berkomunikasi dan ekspresi, memanfaatkan pengkaryaan bersama:</b> Kegiatan perbincangan dan penghayatan estetika boleh menggalakkan komunikasi dan maklum balas pelbagai hala; merangsang pelbagai fikiran, dan kemudian melancarkan ekspresi penggunaan bahasa yang berkesan. Proses pengkaryaan membolehkan pengamalan komunikasi dan kerjasama yang berkesan, saling memberi inspirasi kepada satu sama lain untuk mencetuskan kreativiti masing-masing, dan seterusnya menggalakkan pengkaryaan kolaborasi secara kolektif. Kegiatan seni persembahan boleh meningkatkan kemahiran ekspresi gerak badan, meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan bekerjasama. |
| C<br>Keterlibatan<br>dalam Sosial     | C1<br>Sikap, Nilai<br>dan<br>Kemanusiaan      | CO7                                               | <b>Menghormati dan menghargai kepelbagaian nilai:</b> Mampu mengenali ciri-ciri kepelbagaian manusia, mengambil berat tentang pelbagai aspek masyarakat, serta memberi perhatian dan bertindak balas terhadap isu semasa dengan penaaakuan seni persembahan. Proses menghayati dan mempraktikkan seni persembahan boleh memupuk nilai-nilai kemanusiaan, menghormati perbezaan, dan meraikan kepelbagaian.                                                                                                                                                                                                                                                             |
|                                       | C2<br>Identiti                                | CO8                                               | <b>Memahami budaya Malaysia dan mewujudkan identiti kebangsaan:</b> Mengenali aspek budaya                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |

| Literasi Teras                                     |  | Matlamat Kurikulum                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|----------------------------------------------------|--|---------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                    |  | Pada peringkat akhir pembelajaran, pelajar dapat: |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya                 |  |                                                   | pelbagai etnik di Malaysia, memahami ciri-ciri estetika dan nilai seni persembahan yang berbeza di Malaysia, dan seterusnya mendalami signifikasi kebudayaan Malaysia serta membangunkan identiti kebangsaan.                                                                                                  |
| C3<br>Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan |  | CO9                                               | <b>Merasai kehidupan, mengambil berat masyarakat, dan memberi respons terhadap dunia:</b> Meneroka dan memahami pelbagai aspek kehidupan, budaya, masyarakat, era dan etnik melalui pelbagai ekspresi artistik; mengekalkan interaksi dengan perkembangan dunia, dan melaksanakan kemampanan pembangunan seni. |


## 6. Struktur Kurikulum

### 6.1. Empat Bidang Pembelajaran Utama

Definisi seni persembahan secara umumnya meliputi genre drama, tarian, dan muzik dan sebagainya. Tumpuan utama dalam kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” di peringkat sekolah menengah rendah ini adalah untuk mengintegrasiti seni persembahan ke dalam kehidupan, dan tidak hanya terhad kepada satu genre seni persembahan tertentu. Kursus ini memperluaskan penggunaan “**ekspresi gerak dan bunyi**” sebagai medium utama untuk mempamerkan kelakuan seni persembahan.

Kursus ini amat mementingkan pembangunan sahsiah, jauh lebih penting daripada latihan kemahiran persembahan yang profesional. Oleh itu, perancangan kurikulum akan merentasi pelbagai genre seni persembahan demi mengembalikan seni persembahan kepada intipatinya yang asas, iaitu menyampaikan fikiran dan perasaan serta mengembangkan kreativiti. Kursus ini berasaskan empat bidang pembelajaran iaitu “**Apresiasi dan Estetika**”, “**Persepsi dan Tindak Balas**”, “**Pengkaryaan dan Persembahan**” serta “**Perancangan dan Amalan**”.

Reka bentuk konsep kurikulum kursus ini ditunjukkan seperti carta berikut:



**Rajah 3: Hubungan antara bidang pembelajaran dan tema pembelajaran "Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan"**

#### **a. Apresiasi dan Estetika**

Bidang pembelajaran utama ini adalah untuk membangunkan rasa estetika, meningkatkan tahap apresiasi dan keupayaan kritikan persembahan melalui pemahaman ke atas pelbagai karya seni persembahan. Karya-karya persembahan terdiri daripada repertoire teater, tarian dan muzik yang ternama dari dunia Timur, Barat, tradisional, kontemporari, dalam dan luar negara. Dengan mengetahui sesebuah repertoire dari aspek bentuk estetika, teknik komposisi, kandungan dan konotasinya, pelajar dapat memahami latar belakang dan konteks budaya yang berkaitan, serta menghubungkan antara estetika, seni dan sosial, demi mengembangkan pemahaman tentang kepelbagaian budaya.

### **b. Persepsi dan Tindak Balas**

Bidang pembelajaran ini mengutamakan perkembangan enam deria pelajar (sentuhan, bau, rasa, penglihatan, pendengaran, gerak hati). Aktiviti seni persembahan direkakan untuk meningkatkan kemahiran pemerhatian, pendengaran dan perasaan yang teliti. Selain menyedari nuansa di persekitaran, kepercayaan antara pelajar juga dapat dibangunkan. Pelajar boleh meluahkan ekspresi dan memberi respons melalui gerak badan dan bunyi, sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau bukan lisan melalui pengkaryaan dan persembahan.

### **c. Pengkaryaan dan Persembahan**

Bidang pembelajaran ini menekankan pengenalan kepada bentuk dan ciri-ciri seni persembahan, dan seterusnya mengaplikasikan kemahiran persembahan untuk menjalankan eksperimen penciptaan baharu yang boleh menyampaikan pemikiran kreatif kepada penonton. Dengan mengenali dan mengalami “gerak” dan “bunyi” sebagai medium ekspresi artistik, pelajar mampu membangunkan kebolehan fizikal dan vokal, kemudian meneroka pelbagai kemungkinan untuk ekspresi. Dari segi pergerakan badan, pelajar akan memperoleh teknik asas dari segi koordinasi gerak, kelajuan, kebolehan tindak balas, dan perubahan kekuatan. Dari segi vokal, murid akan meneroka kemahiran penggunaan suara, kawalan nafas, ekspresi bunyi, perubahan kualiti bunyi, interpretasi teks dialog, irama nada dan sebagainya. Dengan penggunaan daya imaginasi, serta kemahiran ekspresif gerak dan bunyi, pelajar boleh meneroka emosi, watak, cerita atau tema yang abstrak melalui proses improvisasi dan pengkaryaan.

### **d. Perancangan dan Amalan**

Bidang pembelajaran ini membolehkan pelajar memperoleh pengalaman dalam proses pengeluaran, pengkaryaan dan pementasan bagi sesebuah produksi. Bidang pembelajaran ini terdiri daripada tiga aspek: (1) Pengkaryaan dan persembahan: pengarah, penulis skrip, koreografer, pelakon, penari, dan lain-lain lagi; (2) Rekaan teater: pereka tata cahaya, pereka seni visual pentas, pengurus pentas, kru pelaksanaan dan sebagainya; (3) Pengurusan dan pentadbiran seni: penerbit, publisiti, penulisan *copywriting*, urusan tiket, perkhimatan barisan depan dan lain-lain lagi. Dengan itu, pelajar boleh mengembangkan keupayaan perancangan, semangat berpasukan, kebolehan komunikasi dan kecekapan pelaksanaan

Daripada huraian kandungan empat bidang pembelajaran utama di atas, objektif bagi setiap bidang pembelajaran utama dari tingkatan rendah satu sehingga ke tingkatan rendah tiga dijelaskan:

**Jadual 3: Objektif bidang pembelajaran mengikut tingkatan.**

| <b>Bidang Pembelajaran</b>         | <b>Tingkatan Menengah Rendah Satu</b>                                                                                            | <b>Tingkatan Menengah Rendah Dua</b>                                                                                                                    | <b>Tingkatan Menengah Rendah Tiga</b>                                                                                                                                                                      |
|------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Apresiasi dan Estetika</b>      | Mengenal pasti ciri-ciri persembahan repertoire.                                                                                 | Mengenal pasti dan memahami kaedah pengkaryaan.                                                                                                         | Memahami konteks dan kepentingan sesuatu repertoire berkaitan dengan latar belakang dan budaya persekitaran.                                                                                               |
| <b>Persepsi dan Tindak Balas</b>   | Merasa dan menghuraikan pengalaman sendiri, serta boleh melakukan pemerhatian, imitasi dan deskripsi terhadap orang dan perkara. | Memerhati dan menghuraikan pengalaman dan idea sendiri, di samping mendengar orang lain serta melakukan respons sama ada secara lisan atau bukan lisan. | Memerhati dan menghuraikan pengalaman dan idea sendiri. Mampu memerhati dan menjalankan refleksi terhadap pelbagai maklumat. Boleh memproses dan menyampaikan sesuatu idea dalam bentuk ekspresi artistik. |
| <b>Pengkaryaan dan Persembahan</b> | Mengenali elemen seni persembahan dan mengalami persembahan ekspresi.                                                            | Menguasai kemahiran persembahan asas dan mempunyai pengetahuan asas untuk menghasilkan karya yang mudah.                                                | Menggabungkan pelbagai elemen kemahiran persembahan, serta mampu melakukan improvisasi dan menghasilkan karya pendek yang lengkap.                                                                         |
| <b>Perancangan dan Amalan</b>      | Mengenali tugas dan peranan asas dalam perancangan persembahan, dan mampu melaksanakan tugas yang mudah.                         | Mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas pengurusan atau praktikal dalam produksi, dan melibatkan diri dalam perancangan persembahan.                | Mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas sebagai ketua atau penyelia dalam produksi, serta mengetuai tugas perancangan dan pelaksanaan.                                                                 |

## 6.2. Penerangan pengajaran dan reka bentuk kursus

Kursus ini tidak terhad kepada pengajaran satu jenis seni persembahan yang tertentu sahaja (seperti drama atau tarian). Pengajar boleh merancangkan reka bentuk kurikulum secara fleksibel berdasarkan latar belakang dan kepakaran tenaga pengajar sama ada drama, tarian atau gabungan seni persembahan. Rancangan kurikulum yang fleksibel juga mengambil kira ciri-ciri tempatan, kemudahan sekolah, sumber manusia dan bahan; kebolehan, keperluan, minat, dan pengalaman pelajar; serta latar belakang dan ciri-ciri budaya etnik, dan syarat lain-lain lagi.

Pengajar boleh menggabungkan pelbagai jenis seni persembahan, seperti menggunakan muzik untuk meningkatkan ketegangan emosi sesuatu pementasan drama, menggunakan teknik gerak untuk meningkatkan penonjolan fizikal sesuatu pementasan drama, atau memanipulasikan plot dan watak drama untuk mendalami ekspresi sesuatu tarian. Oleh itu, dalam reka bentuk kurikulum, pengajar harus bersikap terbuka untuk menerima pelbagai kemungkinan demi kepentingan penyampaian sesebuah persembahan.

Sub-bab seterusnya akan menunjukkan pecahan unit pembelajaran daripada empat bidang pembelajaran sebagai induk, dan kemudian dipecahkan kepada *tema* → *perkara* → *penyataan* yang berkaitan. Pengajar boleh memilih *perkara-perkara* dan *penyataan* yang sesuai secara fleksibel untuk membangunkan kandungan kurikulum masing-masing. Kandungan kurikulum tidak perlu meliputi kesemua *perkara*, **tetapi hanya perlu sehaluan dengan tema dan bidang pembelajaran**, serta sepadan dengan asas *idea* (Bab 4) kursus dan *objektif* bidang pembelajaran kursus mengikut tingkatan (Jadual 3).

## 7. Kandungan Kurikulum

### 7.1. Standard Kandungan

Jadual 4: Tema, perkara dan pernyataan dalam kandungan kurikulum

| Bidang Pembelajaran    | Tema                                  | Perkara                            | Pernyataan                                                                                                                   |
|------------------------|---------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Apresiasi dan Estetika | 1. Pengenalan kepada seni persembahan | 1.1. Bentuk seni persembahan       | 1.1.1. Elemen seni persembahan: masa, ruang, gerak, bunyi, penglihatan dan pendengaran.                                      |
|                        |                                       |                                    | 1.1.2. Hubungan antara seni persembahan dengan penonton.                                                                     |
|                        |                                       | 1.2. Pengenalan kepada persembahan | 1.2.1. Syarat asas untuk pemain.                                                                                             |
|                        |                                       |                                    | 1.2.2 Sikap pemain.                                                                                                          |
|                        |                                       | 1.3. Asas pergerakan               | 1.3.1. Pergerakan berfungsi ( <i>functional movement</i> ): struktur asas badan dan fungsi pergerakan badan dalam kehidupan. |

| Bidang Pembelajaran    | Tema                              | Perkara                                | Pernyataan                                                                                                                      |
|------------------------|-----------------------------------|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Apresiasi dan Estetika |                                   | 1.4. Mengenal teater                   | 1.3.2. Pergerakan ekspresi ( <i>expressional movement</i> ): fungsi pergerakan badan dalam ekspresi emosi dan penyampaian rasa. |
|                        |                                   |                                        | 1.4.1. Kemudahan teater.                                                                                                        |
|                        |                                   |                                        | 1.4.2. Terminologi teater.                                                                                                      |
|                        |                                   |                                        | 1.4.3. Tugas dan tanggungjawab pengguna teater.                                                                                 |
|                        | 2. Seni Persembahan dan Estetika  | 2.1. Estetika drama                    | 2.1.1. Elemen-elemen drama.                                                                                                     |
|                        |                                   |                                        | 2.1.2. Ciri-ciri estetik drama.                                                                                                 |
|                        |                                   | 2.2. Jenis-jenis drama                 | 2.2.1. Teater klasik.                                                                                                           |
|                        |                                   |                                        | 2.2.2. Teater moden.                                                                                                            |
|                        |                                   |                                        | 2.2.3. Teater kontemporari.                                                                                                     |
|                        |                                   | 2.3. Tarian dan estetika etnik         | 2.3.1. Kelakuan budaya etnik yang berbeza.                                                                                      |
|                        |                                   |                                        | 2.3.2. Estetika badan dalam amalan budaya etnik.                                                                                |
|                        |                                   | 2.4. Tarian dan pemikiran kontemporari | 2.4.1. Daya inovatif dalam tarian.                                                                                              |
|                        |                                   |                                        | 2.4.2. Estetika fizikal tarian kontemporari.                                                                                    |
|                        | 3. Apresiasi Repertoir            | 3.1. Repertoir teater                  | 3.1.1. Mengenal kumpulan teater, pengarang teater dan produksi teater yang penting.                                             |
|                        |                                   |                                        | 3.1.2. Idea dan kaedah pengkaryaan kreatif.                                                                                     |
|                        |                                   |                                        | 3.1.3. Penciptaan dan persembahan watak.                                                                                        |
|                        |                                   | 3.2. Repertoir tarian                  | 3.2.1. Mengenal kumpulan tarian, koreografer dan karya tarian yang penting.                                                     |
|                        |                                   |                                        | 3.2.2. Perkembangan orientasi estetika dan gaya.                                                                                |
|                        |                                   |                                        | 3.2.3. Identiti dan kepentingan budaya etnik.                                                                                   |
|                        | 4. Seni persembahan dan kehidupan | 4.1. Seni persembahan dalam kehidupan  | 4.1.1. Pemerhatian yang teliti dalam kehidupan seharian.                                                                        |
|                        |                                   |                                        | 4.1.2. Elemen kreativiti dan persembahan rakyat.                                                                                |
|                        |                                   | 4.2. Badan dan Ritual                  | 4.2.1. Pembentukan badan dalam adat budaya.                                                                                     |
|                        |                                   |                                        | 4.2.2. Ekspresi fizikal dalam ritual                                                                                            |

| Bidang Pembelajaran              | Tema                          | Perkara                                            | Pernyataan                                                                                    |
|----------------------------------|-------------------------------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                  |                               |                                                    | kepercayaan rakyat.                                                                           |
|                                  |                               | 4.3. Badan dan masyarakat kontemporari             | 4.3.1. Disiplin fizikal dalam kehidupan kontemporari.                                         |
|                                  |                               |                                                    | 4.3.2. Hubungan antara badan dan masyarakat.                                                  |
|                                  |                               | 4.4. Pembangunan komuniti melalui seni persembahan | 4.4.1. Promosi dan penciptaan seni persembahan dalam komuniti.                                |
|                                  |                               |                                                    | 4.4.2. Hubungan antara festival seni dan komuniti.                                            |
| <b>Persepsi dan Tindak balas</b> | 5. Kesepaduan dan kepercayaan | 5.1. Membina kesepaduan dan kepercayaan            | 5.1.1. Persepsi yang peka, serta pembangunan kesepaduan melalui komunikasi bukan lisan.       |
|                                  |                               |                                                    | 5.1.2. Pembinaan kepercayaan melalui tugas berpasukan.                                        |
|                                  |                               | 5.2. Semangat keseragaman                          | 5.2.1. Gerakan pelaksanaan dan tindakan bersama secara kolektif.                              |
|                                  |                               | 5.3. Daya memberi dan menerima                     | 5.3.1. Daya memberi dan menerima dari aspek pergerakan; hubungan antara daya aktif dan pasif. |
|                                  | 6. Fokus dan pendengaran      | 6.1. Pemerhatian ke atas minda-badan               | 6.1.1. Kesedaran badan.                                                                       |
|                                  |                               |                                                    | 6.1.2. Fokus mata, badan dan minda.                                                           |
|                                  |                               |                                                    | 6.1.3. Pergerakan dan pernafasan.                                                             |
|                                  |                               | 6.2. Persepsi ruang                                | 6.2.1. Orientasi ruang, hubungan antara badan dan ruang, momentum dan arah pergerakan.        |
|                                  |                               |                                                    | 6.2.2. Hubungan antara ruang dan pemain, serta laluan dan pembentukan pola lantai di pentas.  |
|                                  | 7. Pemerhatian dan imitasi    | 7.1. Pemerhatian dan imitasi watak                 | 7.1.1. Pemerhatian ke atas individu dan perkara di persekitaran.                              |
|                                  |                               |                                                    | 7.1.2. Pertunjukan hasil imitasi daripada proses pemerhatian.                                 |
|                                  |                               |                                                    | 7.1.3. Penciptaan watak.                                                                      |
|                                  |                               | 7.2. Analisis gerak dan persembahan semula         | 7.2.1. Pemerhatian ke atas bentuk, trajektori dan kekuatan pergerakan.                        |
|                                  |                               |                                                    | 7.2.2. Persembahan dan interpretasi semula ke atas pergerakan.                                |
|                                  | 8. Pembangunan enam deria     | 8.1. Perkembangan deria                            | 8.1.1. Membangunkan rangsangan visual, rasa, bau, sentuhan, pendengaran dan mental melalui    |

| Bidang Pembelajaran         | Tema                                       | Perkara                                                                | Pernyataan                                                                            |
|-----------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| Persepsi dan Tindak balas   |                                            |                                                                        | pelbagai tugas.                                                                       |
|                             |                                            |                                                                        | 8.1.2. Merekod, menghurai, membincang dan menganalisis pengalaman deria yang berbeza. |
|                             |                                            | 8.2. Pengalaman deria dan pergerakan berdasarkan daya imaginasi        | 8.2.1. Penterjemahan pengalaman deria ke dalam bentuk bahasa badan.                   |
|                             |                                            |                                                                        | 8.2.2. Pengolahan dan pembangunan imaginasi daripada pengalaman deria.                |
|                             | 9. Komunikasi dan ekspresi                 | 9.1. Pendengaran, penglihatan dan pertuturan secara berkesan dan benar | 9.1.1. Mendengar secara berkesan, memerhati dengan teliti dan menghurai dengan tepat. |
|                             |                                            | 9.2. Pertukaran dan penyampaian pandangan                              | 9.2.1. Perbincangan isu-isu semasa.                                                   |
|                             |                                            | 9.3. Ekspresi emosi tubuh badan                                        | 9.3.1. Tubuh badan yang mempunyai emosi.                                              |
|                             |                                            |                                                                        | 9.3.2. Tubuh badan yang boleh bercerita.                                              |
| Pengkaryaan dan Persembahan | 10. Perkembangan dan latihan fizikal badan | 10.1. Kecederaan sukan                                                 | 10.1.1. Pengenalan dan pencegahan kecederaan sukan.                                   |
|                             |                                            |                                                                        | 10.1.2. Latihan kekuatan otot dan kecergasan badan.                                   |
|                             |                                            |                                                                        | 10.1.3. Penyelenggaraan fasiliti keselamatan di alam sekitar.                         |
|                             |                                            | 10.2. Perkembangan fizikal dan tindakan responsif                      | 10.2.1 Tahap kecergasan, kepekaan dan mobiliti pergerakan.                            |
|                             |                                            |                                                                        | 10.2.2. Pemindahan berat badan.                                                       |
|                             |                                            |                                                                        | 10.2.3. Penyelarasan fizikal dan ketengkasakan.                                       |
|                             |                                            | 10.3. Mengenali elemen pergerakan                                      | 10.3.1. Ruang ( <i>space</i> ).                                                       |
|                             |                                            |                                                                        | 10.3.2. Masa ( <i>time</i> ).                                                         |
|                             |                                            |                                                                        | 10.3.3. Berat ( <i>weight</i> ).                                                      |
|                             |                                            |                                                                        | 10.3.4. Pengaliran ( <i>flow</i> ).                                                   |
|                             |                                            | 10.4. Tubuh badan yang bebas, autonomi dan yakin                       | 10.4.1. Penampilan dan persembahan badan dalam ruang.                                 |
|                             |                                            |                                                                        | 10.4.2. Pergerakan yang autonomi dalam ruang.                                         |

| Bidang Pembelajaran         | Tema                             | Perkara                                      | Pernyataan                                                                               |
|-----------------------------|----------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pengkaryaan dan Persembahan |                                  |                                              | 10.4.3. Ketegangan emosi dan persembahan dialog melalui tubuh badan.                     |
|                             |                                  | 10.5. Latihan asas dalam tarian kontemporari | 10.5.1. Latihan di lantai ( <i>floor work</i> ).                                         |
|                             |                                  |                                              | 10.5.2. Latihan di tengah ( <i>center work</i> ).                                        |
|                             |                                  |                                              | 10.5.3. Kombinasi gerak yang beralir.                                                    |
|                             |                                  |                                              | 10.5.4. Persembahan karya pendek.                                                        |
|                             |                                  | 10.6. Latihan asas dalam tarian rakyat       | 10.6.1. Postur dan pergerakan asas.                                                      |
|                             |                                  |                                              | 10.6.2. Persembahan karya pendek.                                                        |
|                             | 11. Penerokaan dan latihan bunyi | 11.1. Mengenal suara                         | 11.1.1. Pernafasan dan penyuaran asas.                                                   |
|                             |                                  |                                              | 11.1.2. Trajektori bunyi.                                                                |
|                             |                                  |                                              | 11.1.3. Penerokaan pelbagai cara penyuaran.                                              |
|                             |                                  | 11.2. Suara dan nafas                        | 11.2.1. Kawalan volum suara.                                                             |
|                             |                                  |                                              | 11.2.2. Kawalan pernafasan.                                                              |
|                             |                                  |                                              | 11.2.3. Pembentukan suara watak.                                                         |
|                             |                                  |                                              | 11.2.4. Latihan asas vokal.                                                              |
|                             |                                  | 11.3. Dialog dan ekspresi vokal              | 11.3.1. Sebutan dan intonasi dialog.                                                     |
|                             |                                  |                                              | 11.3.2. Persembahan dialog dengan emosi yang berbeza.                                    |
|                             |                                  |                                              | 11.3.3. Latihan untuk drama radio.                                                       |
|                             |                                  | 11.4. Hubungan antara gerakan dan bunyi      | 11.4.1. Pengaruh rekaan pergerakan terhadap vokal.                                       |
|                             |                                  |                                              | 11.4.2. Pengaruh bunyi terhadap kualiti pergerakan.                                      |
|                             |                                  |                                              | 11.4.3. Penerokaan perkusi badan.                                                        |
|                             | 12. Ritma                        | 12.1. Ritma badan                            | 12.1.1. Ritma pergerakan harian dan perubahannya.                                        |
|                             |                                  |                                              | 12.1.2. Jenis ritma tarian dan variasinya.                                               |
|                             |                                  | 12.2. Irama bunyi                            | 12.2.1. Menghasilkan variasi bunyi dari tahap mudah ke kompleks dengan menggunakan alat. |
|                             |                                  | 12.3. Ritma tidak ketara                     | 12.3.1. Ritma biologikal, ritma pertuturan, irama dan konsep masa dalam dialog.          |
|                             | 13. Ekspresi                     | 13.1. Persepsi muzik                         | 13.1.1. Tempo , dinamik, melodi,                                                         |

| <b>Bidang Pembelajaran</b>         | <b>Tema</b>                     | <b>Perkara</b>                   | <b>Pernyataan</b>                                                                                         |
|------------------------------------|---------------------------------|----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengkaryaan dan Persembahan</b> | Muzik                           |                                  | frasa dan suasana muzik.                                                                                  |
|                                    |                                 | 13.2. Drama dan muzik            | 13.2.1. Fungsi runut bunyi dalam drama.                                                                   |
|                                    |                                 |                                  | 13.2.2. Komposisi runut bunyi drama.                                                                      |
|                                    |                                 | 13.3. Tarian dan muzik           | 13.3.1. Ciri-ciri muzik rakyat dan perkaitannya dengan pergerakan.                                        |
|                                    |                                 |                                  | 13.3.2. Hubungan dan interaksi antara tarian kontemporari dan pelbagai jenis muzik.                       |
|                                    |                                 |                                  | 13.3.3. Hubungan and interaksi antara tarian kontemporari dan pelbagai kesan bunyi.                       |
|                                    | 14. Perkembangan daya imaginasi | 14.1. Lakonan tanpa objek ketara | 14.1.1. Perkembangan lakonan daripada penggunaan objek ketara sehingga kepada penggunaan objek imaginasi. |
|                                    |                                 |                                  |                                                                                                           |
|                                    |                                 | 14.2. Lakonan watak kreatif      | 14.2.1. Gabungan lakonan watak hidup dan bukan hidup.                                                     |
|                                    |                                 |                                  | 14.2.2. Transformasi watak secara kreatif.                                                                |
|                                    |                                 | 14.3. Situasi imaginasi          | 14.3.1. Persembahan berpandukan cerita.                                                                   |
|                                    |                                 |                                  | 14.3.2. Pembacaan kontekstual dan perbincangan analitikal.                                                |
|                                    | 15. Persembahan Improvisasi     | 15.1. Penciptaan imej            | 15.1.1. Menghasilkan imej dengan menggunakan gerak badan, peralatan dan ruang.                            |
|                                    |                                 |                                  | 15.1.2. Mencipta situasi yang berbeza dengan menggunakan badan, peralatan dan ruang.                      |
|                                    |                                 |                                  | 15.1.3. Memperkembangkan persembahan situasi berpandukan imej.                                            |
|                                    |                                 | 15.2. Penetapan situasi          | 15.2.1. Rekaan watak dan improvisasi mengikut keperluan pelbagai situasi.                                 |
|                                    |                                 | 15.3. Penyelidikan pergerakan    | 15.3.1. Penyelidikan dan penerokaan pergerakan kreatif.                                                   |
|                                    |                                 | 15.4. Pembangunan                | 15.4.1. Pembangunan idea bertema,                                                                         |

| <b>Bidang Pembelajaran</b>                           | <b>Tema</b>                     | <b>Perkara</b>                     | <b>Pernyataan</b>                                                                                                                             |
|------------------------------------------------------|---------------------------------|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengkaryaan dan Persembahan</b>                   | 16. Pengkaryaan secara kolektif | struktur improvisasi               | reka bentuk struktur, penyusunan dan penyatuan frasa-frasa improvisasi.                                                                       |
|                                                      |                                 | 16.1. Pengkaryaan berpandu         | 16.1.1. Merangsangkan imaginasi dan menciptakan karya pendek dengan berpandukan gabungan dua elemen, seperti muzik + objek, atau imej + teks. |
|                                                      |                                 | 16.2. Amalan praktikal pengkaryaan | 16.2.1. Konsep skrip, perekaan dan penyusunan dialog.                                                                                         |
|                                                      |                                 |                                    | 16.2.2. Konsep tarian, perekaan dan komposisi pergerakan.                                                                                     |
| <b>Perancangan dan Amalan Perancangan dan Amalan</b> | 17. Persembahan karya           | 17.1. Latihan pengkaryaan          | 17.1.1. Pembentukan tema persembahan dan cara penyampaian.                                                                                    |
|                                                      |                                 |                                    | 17.1.2. Kaedah latihan dan pengkaryaan yang bersesuaian dengan tema persembahan.                                                              |
|                                                      |                                 | 17.2. Persembahan                  | 17.2.1. Pementasan untuk golongan umum.                                                                                                       |
|                                                      | 18. Rekaan teater               | 18.1. Rekaan tata cahaya           | 18.1.1. Lakaran pelan tata cahaya.                                                                                                            |
|                                                      |                                 |                                    | 18.1.2. Pemasangan dan pengalihan lampu.                                                                                                      |
|                                                      |                                 | 18.2. Rekaan pentas                | 18.2.1. Reka bentuk dan pembuatan peralatan.                                                                                                  |
|                                                      |                                 |                                    | 18.2.2. Reka bentuk dan pembuatan set.                                                                                                        |
|                                                      |                                 | 18.3. Rekaan kostum                | 18.3.1. Rekaan dan pembuatan kostum.                                                                                                          |
|                                                      |                                 |                                    | 18.3.2. Pengurusan kostum.                                                                                                                    |
|                                                      |                                 | 18.4. Pengurusan pentas            | 18.4.1. Pelaksanaan tugas pengurus pentas.                                                                                                    |
|                                                      |                                 |                                    | 18.4.2. Pelaksanaan tugas kru pentas.                                                                                                         |
|                                                      | 19. Pengurusan seni             | 19.1. Perancangan acara            | 19.1.1. Penulisan kertas kerja.                                                                                                               |
|                                                      |                                 |                                    | 19.1.2. Pengurusan progres aktiviti.                                                                                                          |
|                                                      |                                 |                                    | 19.1.3. Organisasi dan penyelarasan kakitangan.                                                                                               |
|                                                      |                                 |                                    | 19.1.4. Semakan dan laporan aktiviti.                                                                                                         |
|                                                      |                                 | 19.2. Pengurusan                   | 19.2.1. Pengurusan pendapatan dan                                                                                                             |

| Bidang Pembelajaran                              | Tema | Perkara                                                             | Pernyataan                               |
|--------------------------------------------------|------|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|
| Perancangan dan Amalan<br>Perancangan dan Amalan |      | kewangan                                                            | perbelanjaan produksi.                   |
|                                                  |      |                                                                     | 19.2.2. Perundingan dengan pihak penaja. |
|                                                  |      | 19.3. Pemasaran dan promosi                                         | 19.3.1. Rekaan bahan promosi.            |
|                                                  |      |                                                                     | 19.3.2. Penghasilan klip video promosi.  |
|                                                  |      |                                                                     | 19.3.3. Pengurusan media sosial.         |
|                                                  |      | 19.4. Pengurusan penampilan barisan depan ( <i>Front of House</i> ) | 19.4.1. Pengurusan tiket.                |
|                                                  |      |                                                                     | 19.4.2. Pengurusan tempat duduk.         |

## 7.2. Standard Pembelajaran

**Jadual 5: Tiga domain dalam Standard Pembelajaran untuk matlamat “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan”**

| Domain  | Kognitif (C)                             | Psikomotor (P)     | Afektif (A)             |
|---------|------------------------------------------|--------------------|-------------------------|
| Perkara | Ca Pengetahuan seni persembahan          | Pa Pengkaryaan     | Aa Pemikiran kreatif    |
|         | Cb Pengertian budaya seni persembahan    | Pb Persembahan     | Ab Pengalaman estetik   |
|         | Cc Industri seni persembahan             | Pc Rekaan teater   | Ac Semangat bekerjasama |
|         | Cd Seni persembahan dan kehidupan sosial | Pd Pengurusan seni | Ad Pewarisan budaya     |

## 7.3. Penerangan Standard Pembelajaran

**Jadual 6: Pernyataan dan perkara mengikut tiga domain dalam Standard Pembelajaran**

| Domain       | Perkara                         | Pernyataan                                                                                                                                                                                      |
|--------------|---------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kognitif (C) | Ca Pengetahuan seni persembahan | I. Mengenali pengetahuan asas seni persembahan, termasuk unsur pembentukan, bentuk, medium, gaya dan sebagainya.<br>II. Mengenali kumpulan dan artis seni persembahan tempatan dan luar negara. |

| <b>Domain</b>     | <b>Perkara</b>                           | <b>Pernyataan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-------------------|------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                   | Cb Pengertian budaya seni persembahan    | I. Memahami ciri-ciri budaya seni persembahan pelbagai kumpulan etnik, serta bentuk dan estetika yang berkaitan.<br>II. Mengetahui konteks sejarah dan estetika budaya seni persembahan tempatan.<br>III. Mengetahui konteks sejarah dan estetika budaya seni persembahan luar negara.                                                  |
|                   | Cc Industri seni persembahan             | I. Mengenal pasti panggung atau ruang persembahan yang penting dan cara pengoperasiannya.<br>II. Mengenal pasti rangkaian industri seni persembahan yang berkaitan, seperti festival seni, industri kebudayaan dan kreatif, budaya popular, aktiviti komuniti dan lain-lain lagi.                                                       |
|                   | Cd Seni persembahan dan kehidupan sosial | I. Memahami hubungan antara seni persembahan dengan kehidupan, komuniti, sosial, etnik, negara dan dunia, dan seterusnya membangunkan pemikiran kritis dan nilai kemanusiaan.                                                                                                                                                           |
| Psikomotor<br>(P) | Pa Pengkaryaan                           | I. Belajar melakukan improvisasi, dan melaksanakan tugas yang berkaitan dengan pengkaryaan, termasuk mengumpul data, menyelidik dan menyusun material, berkomunikasi, menjalankan latihan dan sebagainya.<br>II. Mengenal pelbagai peranan utama dalam proses pengkaryaan, seperti penulis skrip, koreografer, pengarah dan sebagainya. |
|                   | Pb Persembahan                           | I. Mempelajari menggunakan kemahiran teknik pergerakan dan suara untuk mempersembahkan lakonan watak, dialog dan tarian.                                                                                                                                                                                                                |
|                   | Pc Rekaan teater                         | I. Melibatkan diri dalam kerja rekaan teater, seperti rekaan imej, rekaan tata cahaya, rekaan set pentas, rekaan kesan bunyi dan muzik.<br>II. Mempelajari kerja pelaksanaan kru pentas, seperti penyediaan pentas, penukaran set, pengurusan kostum, dan pelaksanaan teknikal pentas.                                                  |
|                   | Pd Pengurusan seni                       | I. Mempelajari pengurusan seni, termasuk perancangan dan pemasaran persembahan.<br>II. Mempelajari dokumentasi dan aplikasi perisian yang berkaitan, seperti menulis minit                                                                                                                                                              |

| <b>Domain</b>  | <b>Perkara</b>          | <b>Pernyataan</b>                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                |                         | mesyuarat, kertas cadangan, laporan kewangan, rencana publisiti, dan laporan acara.                                                                                                                                                                                       |
| Afektif<br>(A) | Aa Pemikiran kreatif    | I. Meningkatkan daya kreativiti melalui aktiviti penerokaan dalam bilik, komunikasi dan penghasilan persembahan, di samping memupuk semangat eksperimen dan pemikiran dari pelbagai perspektif.                                                                           |
|                | Ab Pengalaman estetik   | I. Memupuk sikap yang sentiasa menghayati keindahan dalam kehidupan, belajar menghargai dan merasai pengalaman estetika.<br>II. Meningkatkan apresiasi estetika seni melalui tontonan dan penghargaan karya-karya seni persembahan.                                       |
|                | Ac Semangat bekerjasama | I. Memupuk semangat berpasukan dan perpaduan melalui proses pengkaryaan dan persiapan persembahan secara kolektif, yang melibatkan pengurusan organisasi, komunikasi, dan pembahagian kerja.                                                                              |
|                | Ad Pewarisan budaya     | I. Memahami konteks budaya seni persembahan, memupuk keyakinan diri melalui pengamalan badan yang menghayati pengertian budaya.<br>II. Menyertai usaha promosi dan pewarisan budaya melalui aktiviti apresiasi dan persembahan, serta memprihatinkan perkembangan budaya. |

**Jadual 7a: Contoh hubungan antara Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran (i)**

| Standard Pembelajaran                                                                   | Kognitif                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | Psikomotor                                                                                                                                                                                                 | Afektif                                                                                                                                                          |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                         | CdI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | PbI                                                                                                                                                                                                        | AbI                                                                                                                                                              |
| Standard Kandungan                                                                      | Memahami hubungan antara seni persembahan dengan kehidupan, komuniti, sosial, etnik, negara dan dunia, dan seterusnya membangunkan pemikiran kritis dan nilai kemanusiaan.                                                                                                                                                                 | Mempelajari menggunakan kemahiran teknik pergerakan dan suara untuk mempersembahkan lakonan watak, dialog dan tarian.                                                                                      | Memupuk sikap yang sentiasa menghayati keindahan dalam kehidupan, belajar menghargai dan merasai pengalaman estetika.                                            |
| 8.1.2<br>Merekod, menghurai, membincang dan menganalisis pengalaman deria yang berbeza. | Pelajar boleh menyepadukan pengalaman deria dan mengolah dapatan pengamatan menjadi ekspresi kreatif dengan merekod, menerang, membincang dan menganalisis proses deria. Bermula daripada pengenalan pengalaman deria individu, kognitif ini kemudian berkembang sehingga mempertimbangkan perasaan orang lain, dan ke peringkat komuniti. | Melalui proses rakaman, perbincangan dan analisis, seseorang dapat mengesan pelbagai aspek pengalaman deria, dan menggunakan pengalaman tersebut dalam persembahan dan pembentukan watak yang lebih nyata. | Melalui latihan dan amalan catatan pengalaman deria, seseorang boleh membangunkan naluri persepsi yang halus terhadap orang dan perkara di sekeliling kehidupan. |

**Jadual 7b: Contoh hubungan antara Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran (ii)**

| Standard Pembelajaran              | Kognitif                                                                                                                                               | Psikomotor                                                                                                                               | Afektif                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                    | CbI                                                                                                                                                    | PbI                                                                                                                                      | AbI                                                                                                                                                                       |
| Standard Kandungan                 | Memahami ciri-ciri budaya seni persembahan pelbagai kumpulan etnik, serta bentuk dan estetika yang berkaitan.                                          | Mempelajari menggunakan kemahiran teknik pergerakan dan suara untuk mempersembahkan lakonan watak, dialog dan tarian.                    | Memupuk sikap yang sentiasa menghayati keindahan dalam kehidupan, belajar menghargai dan merasai pengalaman estetika.                                                     |
| 10.6.1 Postur dan pergerakan asas. | Mengetahui latar belakang sejarah sesuatu tarian rakyat, memahami asas pergerakan postur dan irama, serta pengertian budaya yang tersirat di dalamnya. | Mempelajari cara pernafasan, penggunaan dan penyelarasan gerak sesuatu tarian rakyat, serta menguasai ekspresi dan gaya badan yang unik. | Melalui proses pembelajaran sesuatu tarian rakyat, seseorang boleh merasai pengalaman keindahan kinestatik sesuatu etnik yang boleh mencerminkan budaya kehidupan mereka. |

## 8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran

Kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” memperuntukan satu sesi pembelajaran (40 minit) bagi setiap minggu kuliah. Cadangan sesi pembelajaran adalah berdasarkan amalan 40 minggu kuliah setahun. Jika sesi kelas yang lebih panjang diperlukan, kursus ini boleh saling berganti dengan sesi kursus lain seperti muzik. Contoh: kursus seni persembahan mengambil dua sesi kuliah berturut-turut pada minggu ini, dan kursus muzik akan mengambil dua sesi kuliah berturut-turut pada minggu depan.

Pengajar boleh mengadakan rancangan dan strategi kemajuan kursus untuk separuh pertama dan kedua tahun persekolahan. Namun, pengajar boleh melakukan pengubahsuaian kurikulum berdasarkan keadaan kekangan realiti. Tujuan utama kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” adalah untuk meningkatkan tahap keperibadian pelajar yang mulia melalui latihan kemahiran seni persembahan yang berorientasikan proses pembelajaran. Pengajar boleh menganjurkan persembahan yang mudah atau produksi akhir mengikut kemajuan pembelajaran pelajar, kemudahan sekolah dan sumber lain-lain lagi supaya pelajar boleh mengaplikasi dan mengembangkan pengetahuan mereka, serta memperoleh pengalaman seni secara kumulatif.

“Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” sebagai satu kursus yang bertunjangkan estetika dan ekspresi kreatif mengakui bahawa setiap pelajar adalah satu subjek kreativiti. Kursus ini menawarkan ruang yang bebas untuk penerokaan dan ekspresi diri mereka. Maka setiap persembahan pelajar adalah unik. Matlamat pengajaran kursus ini adalah untuk merangsangkan minat pembelajaran, mengembangkan perasaan keberadaan kehidupan, serta menikmati proses penerokaan, pemikiran, komunikasi, penciptaan dan persembahan. Kursus ini tidak bertujuan menghasilkan produksi akhir yang halus dan seragam.

Cadangan pengajaran dan pembelajaran berikut disarankan berdasarkan ciri-ciri unik kursus ini. Cadangan ini disediakan untuk rujukan pengajar.

### **8.1. Kaedah Pembelajaran yang Pelbagai**

Penggunaan yang fleksibel ke atas media pengajaran yang berbeza, seperti objek, permainan, video, imej, cerita, muzik, teks, pergerakan dan lain-lain lagi untuk membolehkan pelajar menerima maklumat dan mengekspresikan diri melalui interpretasi enam deria, serta memperoleh pengalaman pembelajaran yang menyeluruh. Dalam pada itu, pengajar boleh mengenal pasti cara-cara pembelajaran pelajar, mengubahsuai kandungan pengajaran dan mencungkil bakat-bakat pelajar.

### **8.2. Mewujudkan Ruang Interaksi**

Pelbagai aktiviti kumpulan dan sesi perkongsian disediakan untuk membolehkan pelajar rakan sebaya saling memerhati, menukar pendapat dan maklum balas. Perbincangan kumpulan membolehkan pelajar lebih mudah memahami dan menguasai ilmu pengetahuan yang dipelajari, menyusun pemikiran mereka sendiri dan mendengar pandangan dari sudut yang berbeza.

### **8.3. Progres yang Beransur-ansur**

Dengan amalan fleksibel, kurikulum dan aktiviti pengajaran boleh dibahagikan kepada unit-unit pembelajaran yang lebih kecil mengikut tahap kesesuaian pelajar supaya kandungan kurikulum boleh diserap dan dikuasai oleh pelajar secara beransur-ansur. Tahap kesusahan dan kerumitan kurikulum boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa apabila pelajar memiliki keyakinan dalam pembelajaran.

### **8.4. Hubungkait dengan Kehidupan**

Seni persembahan adalah berkait rapat dengan kehidupan. Dalam pengajaran berdasarkan situasi, manusia, perkara dan objek di persekitaran seharian boleh dijadikan tema pembelajaran supaya lebih mudah menjalinkan perkaitan, dan juga boleh meningkatkan kepekaan dan perhatian pelajar terhadap kehidupan dan kemanusiaan. Dengan itu, pelajar mampu melanjutkan pengetahuan seni persembahan yang dipelajari ke dalam pelbagai aspek kehidupan.

### **8.5. Penggunaan Bahan Tempatan**

Tanpa mengira sama ada di kampus atau komuniti, kawasan persekitaran pelajar adalah penuh dengan pelbagai bahan yang boleh menjanakan kreativiti dan juga dijadikan sebagai ruang persembahan. Sumber yang sedia ada boleh digunakan, dikitar semula dan diubahsuai untuk tujuan penggunaan pembelajaran atau peralatan bagi persembahan dan lain-lain lagi. Pengambilan dan penggunaan material tempatan boleh mendatangkan penjimatan dan penghargaan pelajar terhadap sumber tempatan, serta boleh merangsangkan daya imaginasi dan kreativiti pelajar untuk merenung

kembali kepada perkara yang terlalu biasa dalam kehidupan seharian dengan perspektif baharu. Mengubah dan memberi interpretasi yang baharu kepada perkara yang biasa boleh menyedarkan pelajar bahawa kreativiti sebenarnya adalah sentiasa berada di dalam kehidupan.

#### **8.6. Pendekatan Berpusatkan Pelajar**

Sepanjang proses pengajaran, keperluan dan prestasi pelajar diperhatikan. Kaedah pengajaran diubahsuai mengikut ciri-ciri pelajar, demi mengukuhkan kekuatan dan memperbaiki kelemahan. Menggalakkan sikap pembelajaran sendiri, dan membantu mereka memperoleh nilai peribadi dan perpaduan kumpulan dalam proses pembelajaran.

#### **8.7. Rekod Pengajaran**

Pembangunan kurikulum “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” adalah berbeza mengikut ciri-ciri tingkatan, kelas dan tenaga pengajar yang berlainan di setiap sekolah. Oleh demikian, tiada satu standard kurikulum yang bersifat mutlak. Namun, pengajar disarankan supaya merekod kemajuan pengajaran bagi kelas masing-masing. Tujuan rekod tersebut adalah untuk semakan sendiri dan inventori kaedah pengajaran, serta dijadikan rujukan untuk kesinambungan pelancaran kursus bagi tenaga pengajar yang akan datang.

#### **8.8. Pembelajaran berterusan**

Tenaga pengajar harus mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran berterusan. Tenaga pengajar digalakkan melibatkan diri dalam pengajian dan perbincangan pendidikan seni, serta meningkatkan kemahiran seni persembahan dan sebagainya. Selain daripada memperoleh pengetahuan baharu, tenaga pengajar juga digalakkan berinteraksi dengan pendidik seni lain demi meningkat dan memperkayakan pelbagai kaedah pengajaran.

### **9. Cadangan Pentaksiran**

#### **9.1. Kriteria Pentaksiran**

Penilaian kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” adalah berdasarkan Standard Kandungan kursus ini. Dengan berlandaskan tahap pengajaran, penilaian boleh dibahagikan kepada: Penilaian Formatif, Penilaian Sumatif dan Penilaian Diagnostik. Pelajar memiliki pelbagai kecerdasan. Sebagai satu kursus yang mengutamakan artistik dan kreatif, kursus ini tidak mempunyai satu piawai penilaian yang tunggal. Oleh itu, kaedah penilaian harus dipelbagaikan, dan perlu mengambil kira tiga domain yang utama, iaitu kognitif, psikomotor dan afektif.

**Jadual 8: Standard Prestasi mengikut tiga domain**

| <b>Domain</b> | <b>Perkara</b>                        | <b>Peringkat</b> | <b>Standard Pretasi</b>                                                                                                                                |
|---------------|---------------------------------------|------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kognitif (C)  | Ca Pengetahuan seni persembahan       | 1 Mengingati     | Menghafal pengetahuan dan konsep asas seni persembahan.                                                                                                |
|               |                                       | 2 Memahami       | Memahami prinsip pengetahuan seni persembahan dan dapat menghubungkaitkan pelbagai konsep.                                                             |
|               |                                       | 3 Mengaplikasi   | Mengaplikasikan ilmu seni persembahan ke dalam praktis seni persembahan.                                                                               |
|               |                                       | 4 Menganalisis   | Menganalisis bentuk dan pengertian sesuatu karya seni persembahan.                                                                                     |
|               |                                       | 5 Menilai        | Menghayati dan menilai bentuk dan pengertian sesuatu karya seni persembahan, serta menghujahkan konteks pemikiran, pandangan dan asas pertimbangannya. |
|               |                                       | 6 Mereka cipta   | Mengorganisasi dan memperhalusi dapatan dan konsep yang unik tentang seni persembahan, melalui proses pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian.     |
|               | Cb Pengertian budaya seni persembahan | 1 Mengingati     | Mengingati unsur-unsur budaya seni persembahan.                                                                                                        |
|               |                                       | 2 Memahami       | Memahami konteks budaya seni persembahan dan faktor pembentukannya dari aspek sosial dan sejarah.                                                      |
|               |                                       | 3 Mengaplikasi   | Mengaplikasikan pengetahuan budaya ke dalam kehidupan dan pengkaryaan persembahan, serta mencerminkan nilai budaya melalui amalan seni persembahan.    |
|               |                                       | 4 Menganalisis   | Menganalisis pengertian budaya dalam seni persembahan dan menghuraikan konteks pembentukan nilai budaya.                                               |
|               |                                       | 5 Menilai        | Menilai mutu budaya dalam seni persembahan, berfikir secara                                                                                            |

| Domain | Perkara                      | Peringkat      | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                                         |
|--------|------------------------------|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                              |                | kritis dengan merentasi pelbagai aspek budaya, serta menghujahkan konteks pemikiran dan perspektif budaya dengan jelas.                                                                                                                  |
|        |                              | 6 Mereka cipta | Mencipta kegiatan budaya yang mampan hasil daripada perolehan pengertian budaya yang mendalam melalui proses pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian.                                                                                |
|        | Cc Industri seni persembahan | 1 Mengingati   | Mengingati konsep asas tentang kemudahan sumber, tetapan tenaga kerja dan prinsip yang berkaitan dengan industri seni persembahan.                                                                                                       |
|        |                              | 2 Memahami     | Memahami pembentukan dan cara operasi industri seni persembahan, dan menjelaskan hubungan saling mempengaruhi dalam struktur industri.                                                                                                   |
|        |                              | 3 Mengaplikasi | Mengaplikasikan pengetahuan industri seni persembahan ke dalam kehidupan, serta dalam penyediaan dan pengurusan produksi persembahan.                                                                                                    |
|        |                              | 4 Menganalisis | Menganalisis cara operasi industri seni persembahan yang berbeza, menghuraikan status pembangunannya yang terkini dan ramalan untuk masa depan, serta menilai pengaruh industri terhadap pembangunan masyarakat, seni dan budaya negara. |
|        |                              | 5 Menilai      | Menilai model perniagaan, struktur sumber manusia, perisian dan kemudahan peralatan, dasar pelaksanaan dan elemen lain dalam industri seni persembahan. Mengenal pasti masalah dan mencadangkan penyelesaian.                            |

| Domain | Perkara                                  | Peringkat      | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                                          |
|--------|------------------------------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        | Cd Seni persembahan dan kehidupan sosial | 6 Mereka cipta | Mensintesis pengetahuan dan pengalaman praktikal industri seni persembahan, demi menjalankan analisis dan penilaian yang mendalam, dan seterusnya mencipta dan mencadangkan aktiviti pembangunan industri seni persembahan yang berkesan. |
|        |                                          | 1 Mengingati   | Mengingati fenomena sosial, landskap kehidupan, peristiwa sejarah dan lain-lain yang dicerminkan oleh seni persembahan.                                                                                                                   |
|        |                                          | 2 Memahami     | Memahami hubungan antara seni persembahan dengan kehidupan, masyarakat, sosial, etnik, negara dan dunia.                                                                                                                                  |
|        |                                          | 3 Mengaplikasi | Mengintegrasikan ilmu kemanusiaan dan pengetahuan seni persembahan ke dalam pemikiran peribadi tentang kehidupan dan masyarakat, dan kemudian mengamalkan tingkah laku yang bermakna.                                                     |
|        |                                          | 4 Menganalisis | Menganalisis karya seni persembahan yang boleh mencerminkan kehidupan dan aspek sosial, serta mesej yang tersirat.                                                                                                                        |
|        |                                          | 5 Menilai      | Mentafsir dan mengkritik pandangan yang tersirat dalam karya seni persembahan tentang dunia dan kehidupan, melalui penyusunan hubungan antara karya dan pengkarya, zaman dan masyarakat.                                                  |
|        |                                          | 6 Mereka cipta | Refleksi hubungan antara seni persembahan dan kehidupan kontemporari melalui pemahaman, analisis, penilaian dan amalan.                                                                                                                   |

| Domain            | Perkara        | Peringkat      | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                                                 |
|-------------------|----------------|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Psikomotor<br>(P) | Pa Pengkaryaan | 1 Imitasi      | Boleh menyerap dan melakukan imitasi terhadap kemahiran kreatif yang dipelajari.                                                                                                                                                                 |
|                   |                | 2 Manipulasi   | Boleh mengatur pemikiran kreatif, melatih dan menghasilkan tindakan yang berkaitan dengan kreativiti, seperti menulis skrip, melukis draf reka bentuk, mengembangkan pergerakan, membimbing latihan, menyusun struktur karya dan lain-lain lagi. |
|                   |                | 3 Ketepatan    | Boleh mengemukakan idea-idea kreatif, mengembang dan menyusun material, mengubah suai dan sebagainya dengan jelas dan berkesan, sehingga menghasilkan produksi akhir.                                                                            |
|                   |                | 4 Artikulasi   | Boleh melakukan semakan dan saling melengkapi dalam setiap proses pengkaryaan, di samping mengambil kira sejumlah besar perincian, termasuk idea kreatif peribadi, komunikasi dan latihan berkumpulan, sehingga ke persembahan karya.            |
|                   |                | 5 Naturalisasi | Boleh mendalami sesuatu kaedah pengkaryaan dan mahir dalam sesuatu teknik, sehingga boleh menyalurkan sesebuah pemikiran kreatif ke dalam bentuk karya pementasan secara lancar.                                                                 |
|                   | Pb Persembahan | 1 Imitasi      | Mampu menyerap dan melakukan imitasi terhadap teknik persembahan yang dipelajari, termasuk pergerakan, ekspresi muka, ekspresi vokal, dan sebagainya.                                                                                            |
|                   |                | 2 Manipulasi   | Mampu mengawal teknik persembahan yang diperlukan, seperti ekspresi, pernafasan, kekuatan, kelantangan, postur                                                                                                                                   |

| Domain | Perkara               | Peringkat      | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                       |
|--------|-----------------------|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                       |                | badan, kawalan otot, dan sebagainya.                                                                                                                                                                                   |
|        |                       | 3 Ketepatan    | Mampu menguasai kemahiran persembahan yang tepat, dengan menunjukkan isyarat bahasa badan, ekspresi suara, penciptaan watak dan sebagainya dengan jelas, sehingga melakukan manifestasi emosi yang dinamik.            |
|        |                       | 4 Artikulasi   | Mampu menyelaraskan dan menyepadukan pelbagai perincian dalam satu persembahan, dan mampu melakukan transisi dan peralihan yang sesuai.                                                                                |
|        |                       | 5 Naturalisasi | Mampu mendalami teknik persembahan, demi mempersembahkan kualiti pergerakan, pengertian watak, lontaran suara dan lain-lain lagi secara bebas dan tepat.                                                               |
|        | Pc Reka bentuk teater | 1 Imitasi      | Mampu mempelajari dan melakukan imitasi terhadap projek atau tugas tertentu dalam rekaan teater, seperti melukis pelan penataan cahaya, draf reka bentuk teater, menukar latar babak, melaraskan lampu dan sebagainya. |
|        |                       | 2 Manipulasi   | Mampu mengendalikan operasi yang berkaitan rekaan teater secara fizikal, seperti mengawal konsol sistem siar raya, sistem pencahayaan, sistem mekanik dan elektronik di teater.                                        |
|        |                       | 3 Ketepatan    | Mampu melakukan rekaan teater dan pengoperasian teknikal yang tepat, berdasarkan keunikan dan konsep pengkaryaan.                                                                                                      |

| Domain | Perkara            | Peringkat      | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                              |
|--------|--------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                    | 4 Artikulasi   | Mampu menyelesaikan tugas hakiki reka bentuk, mampu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan individu-individu produksi persembahan, serta menjalankan penyelarasan dengan setiap jawatankuasa rekaan teater.                 |
|        |                    | 5 Naturalisasi | Mampu menyempurnakan tugas teknikal rekaan teater dengan cekap, lancar dan sempurna, bermula daripada draf reka bentuk sehingga ke pelaksanaan.                                                                               |
|        | Pd Pengurusan seni | 1 Imitasi      | Boleh mempelajari dan melakukan imitasi terhadap projek atau tugas tertentu dalam pentadbiran seni, seperti menulis minit mesyuarat, kertas cadangan, pemasaran dalam talian, laporan kewangan, laporan acara dan sebagainya. |
|        |                    | 2 Manipulasi   | Boleh mengendalikan langkah-langkah tertentu dalam projek produksi, seperti mengesahkan senarai jawatankuasa kerja, mengesahkan agihan tugas, mengawal perbelanjaan, mengawal progres kemajuan kerja dan sebagainya.          |
|        |                    | 3 Ketepatan    | Boleh mengumpulkan dan menyusun maklumat dengan lengkap, serta melaksanakan tugas secara berkesan dan teliti, untuk melancarkan proses perkembangan produksi.                                                                 |
|        |                    | 4 Artikulasi   | Boleh menyelesaikan tugas hakiki dengan berkesan, dan selaras dengan kemajuan unit-unit jawatankuasa lain demi pelancaran produksi.                                                                                           |
|        |                    | 5 Naturalisasi | Boleh menyelesaikan pelbagai tugas pentadbiran seni dengan mudah dan tersusun, dalam                                                                                                                                          |

| Domain         | Perkara               | Peringkat           | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|----------------|-----------------------|---------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                |                       |                     | aspek penjadualan, persiapan dan pelaksanaan.                                                                                                                                                                                                                                     |
| Afektif<br>(A) | Aa Pemikiran kreatif  | 1 Menerima          | Boleh menerima ciri-ciri kepelbagaian, memahami pandangan terhadap sesuatu yang terdiri daripada pelbagai perspektif, dan mula memberi perhatian kepada perkara dan individu yang menunjukkan kreativiti di persekitaran.                                                         |
|                |                       | 2 Menanggapi        | Boleh melakukan semakan dan respons terhadap sesuatu perkara atau isu, melanjutkan pandangan daripada pelbagai sudut, dan mencadangkan ekspresi atau manifestasi yang kreatif.                                                                                                    |
|                |                       | 3 Menilai           | Boleh menyerap dan memproses sejumlah besar maklumat, mengembangkan imaginasi yang kreatif dari dalaman, dan kemudiannya membangunkan citarasa kreativiti secara beransur-ansur.                                                                                                  |
|                |                       | 4 Mengorganisasikan | Boleh menyusun pemikiran kreatif secara berperingkat, dan kemudian melaksanakannya dalam kehidupan dan pengkaryaan.                                                                                                                                                               |
|                |                       | 5 Karakteristik     | Boleh mengamalkan pemikiran kreatif dan pandangan dari pelbagai perspektif dalam jangka masa yang panjang, mengekalkan rasa ingin tahu yang boleh merangsangkan perasaan baharu, dan kemudian mengolah pengertian kreativiti dalam kehidupan harian, persembahan dan pengkaryaan. |
|                | Ab Pengalaman estetik | 1 Menerima          | Boleh mengesan dan menerima pengalaman keindahan dalam kehidupan, dan merasai sesuatu terhadap estetik.                                                                                                                                                                           |
|                |                       | 2 Menanggapi        | Boleh bertindak balas terhadap                                                                                                                                                                                                                                                    |

| Domain | Perkara                 | Peringkat           | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                     |
|--------|-------------------------|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                         |                     | perkara dan fenomena yang indah, dan memperoleh pengalaman estetika dalam kehidupan secara aktif.                                                                                                    |
|        |                         | 3 Menilai           | Mula mewujudkan pertimbangan cita rasa keindahan sendiri, dapat menghayati karya seni dan mengemukakan persepsi dan analisis sendiri.                                                                |
|        |                         | 4 Mengorganisasikan | Boleh melakukan perbandingan dan integrasi terhadap persepsi keindahan, sentiasa mengembang dan mengumpul pengalaman estetika, dan melaksanakannya dalam kehidupan dan seni persembahan.             |
|        |                         | 5 Karakteristik     | Boleh membentuk pengertian estetik tersendiri setelah banyak pengamalan estetika dalam kehidupan dan penghayatan karya seni, serta terus diterap dan dicerminkan melalui pemikiran dan tingkah laku. |
|        | Ac Semangat bekerjasama | 1 Menerima          | Mampu memahami kepentingan semangat kerjasama, dan mengerti kepentingan setiap jawatan yang amat saling berkaitan dalam penghasilan produksi persembahan.                                            |
|        |                         | 2 Menanggapi        | Boleh melakukan respons yang aktif, serta menjalankan pembahagian kerja, komunikasi dan koordinasi dalam kerja berpasukan.                                                                           |
|        |                         | 3 Menilai           | Boleh menghormati nilai individu diri dan lain secara sama rata, dan boleh menilai keutamaan kerja secara munasabah dalam kerja berpasukan.                                                          |
|        |                         | 4 Mengorganisasikan | Boleh melakukan pengaturan yang sistematik terhadap                                                                                                                                                  |

| Domain | Perkara             | Peringkat           | Standard Pretasi                                                                                                                                                                                           |
|--------|---------------------|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|        |                     |                     | organisasi secara keseluruhan dan juga butirannya, mengembangkan nilai keistimewaan individu masing-masing, dan mengoptimumkan hasil persembahan melalui kekuatan bekerjasama.                             |
|        |                     | 5 Karakteristik     | Boleh meningkatkan kemahiran komunikasi, kecekapan kerja, dan kemahiran menyelesaikan masalah, dan seterusnya membina keperibadian yang bertanggungjawab, bersemangat, saling menghormati dan yakin.       |
|        | Ad Pewarisan budaya | 1 Menerima          | Boleh menerima ciri-ciri budaya seni persembahan, sedia berkongsi dan mewarisi ciri-ciri tersebut.                                                                                                         |
|        |                     | 2 Menanggapi        | Boleh melakukan penghubungan dan respons terhadap ciri-ciri budaya seni persembahan, dan mula meneroka makna budaya seni persembahan secara aktif.                                                         |
|        |                     | 3 Menilai           | Boleh melakukan semakan dan pertimbangan yang mendalam terhadap nilai-nilai budaya seni persembahan.                                                                                                       |
|        |                     | 4 Mengorganisasikan | Boleh mengenali konteks sejarah dan warisan budaya, mengkaji kepentingan nilai budaya dalam masyarakat kontemporari, dan menjalankan penyusunan dan refleksi yang lebih komprehensif tentang nilai budaya. |
|        |                     | 5 Karakteristik     | Proses penghayatan dan pengamalan seni persembahan membolehkan seseorang mendalami nilai-nilai kebudayaan, dan menerapkannya secara beransur-ansur ke dalam kehidupan dan personaliti, kemudian            |

| Domain | Perkara | Peringkat | Standard Prestasi                          |
|--------|---------|-----------|--------------------------------------------|
|        |         |           | mempromosikan warisan budaya secara aktif. |

**Jadual 9a: Contoh hubungan antara Standard Pembelajaran dengan Standard Prestasi (i)**

| Standard Pembelajaran                                                                | Kognitif                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Psikomotor                                                                                                                                                                                                 | Afektif                                                                                                                                                          |
|--------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                      | CdI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | PbI                                                                                                                                                                                                        | AbI                                                                                                                                                              |
| <b>Standard Kandungan</b>                                                            | Memahami hubungan antara seni persembahan dengan kehidupan, komuniti, sosial, etnik, negara dan dunia, dan seterusnya membangunkan pemikiran kritis dan nilai kemanusiaan.                                                                                                                                                       | Mempelajari menggunakan kemahiran teknik pergerakan dan suara untuk mempersembahkan lakonan watak, dialog dan tarian.                                                                                      | Memupuk sikap yang sentiasa menghayati keindahan dalam kehidupan, belajar menghargai dan merasai pengalaman estetika.                                            |
| 8.1.2 Merekod, menghurai, membincang dan menganalisis pengalaman deria yang berbeza. | Pelajar boleh menyepadukan pengalaman deria dan mengolahkannya menjadi ekspresi kreatif dengan merekod, menerangkan, membincang dan menganalisis proses deria. Bermula daripada pengenalan pengalaman deria individu, kognitif ini kemudian berkembang sehingga mempertimbangkan perasaan orang lain, dan ke peringkat komuniti. | Melalui proses rakaman, perbincangan dan analisis, seseorang dapat mengesan pelbagai aspek pengalaman deria, dan menggunakan pengalaman tersebut dalam persembahan dan pembentukan watak yang lebih nyata. | Melalui latihan dan amalan catatan pengalaman deria, seseorang boleh membangunkan naluri persepsi yang halus terhadap orang dan perkara di sekeliling kehidupan. |
| Standard Prestasi                                                                    | Boleh menyepadukan pengalaman deria peribadi dan mengaplikasikannya dalam pemikiran tentang kehidupan dan masyarakat, serta mengamalkan tingkah laku yang bermakna. (Cd3 Mengaplikasi)                                                                                                                                           | Boleh melakonkan semula pengalaman deria dalam persembahan dengan tepat, melalui ekspresi muka, suara dan badan pergerakan dengan sepenuhnya. (Pb3 Ketepatan)                                              | Boleh membina keupayaan persepsi yang peka, bertindak balas terhadap orang dan perkara di sekeliling kehidupan, dan boleh memperoleh pengalaman estetika         |

|  |  |  |                                                   |
|--|--|--|---------------------------------------------------|
|  |  |  | dalam kehidupan secara aktif.<br>(Ab2 Menanggapi) |
|--|--|--|---------------------------------------------------|

**Jadual 9b: Contoh hubungan antara Standard Pembelajaran dengan Standard Prestasi (ii)**

| Standard Pembelajaran                 | Kognitif                                                                                                                                                                    | Psikomotor                                                                                                                                                                                                                                                                                   | Afektif                                                                                                                                                                   |
|---------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                       | CbI                                                                                                                                                                         | PbI                                                                                                                                                                                                                                                                                          | AbI                                                                                                                                                                       |
| <b>Standard Kandungan</b>             | Memahami ciri-ciri budaya seni persembahan pelbagai kumpulan etnik, serta bentuk dan estetika yang berkaitan.                                                               | Mempelajari menggunakan kemahiran teknik pergerakan dan suara untuk mempersembahkan lakonan watak, dialog dan tarian.                                                                                                                                                                        | Memupuk sikap yang sentiasa menghayati keindahan dalam kehidupan, belajar menghargai dan merasai pengalaman estetika.                                                     |
| 10.6.1<br>Postur dan pergerakan asas. | Mengetahui latar belakang sejarah sesuatu tarian rakyat, memahami asas pergerakan postur dan irama, serta pengertian budaya yang tersirat di dalamnya.                      | Mempelajari cara pernafasan, penggunaan dan penyelarasan gerak sesuatu tarian rakyat, serta menguasai ekspresi dan gaya badan yang unik.                                                                                                                                                     | Melalui proses pembelajaran sesuatu tarian rakyat, seseorang boleh merasai pengalaman keindahan kinestatik sesuatu etnik yang boleh mencerminkan budaya kehidupan mereka. |
| Standard Prestasi                     | Boleh menganalisis ciri-ciri dan gaya estetika sesuatu tarian rakyat, menghuraikan konteks pembentukan estetika gerak dan nilai budaya yang tersirat.<br>(Cb4 Menganalisis) | Boleh menguasai kemahiran persembahan sesuatu tarian rakyat dengan tepat, termasuk bentuk gerak badan, kekuatan, irama dan sebagainya.<br>Menunjukkan gerak badan yang jelas dan nyata semasa persembahan, serta ekspresi dan gaya gerak sesuatu tarian rakyat yang unik.<br>(Pa3 Ketepatan) | Boleh bertindak balas terhadap perkara dan fenomena yang indah berkenaan sesuatu budaya bangsa, dan menikmati pengalaman estetik tersebut.<br>(Ab2 Menanggapi)            |

## 9.2. Kaedah Pentaksiran

Pembelajaran “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan” bukan hanya meliputi perkembangan kreativiti, ekspresi individu dan proses pembentukan keperibadian, tetapi juga merangkumi pembentangan hasil pembelajaran berperingkat dari semasa ke semasa seperti penghasilan produksi persembahan dan penguasaan ilmu seni. Oleh itu, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti pembentangan, laporan, dan penyertaan perbincangan digunakan untuk menunjuk tahap komitmen, kemahiran praktikal dan penguasaan pengetahuan seni persembahan pelajar. Bahagian yang berikutnya mencadangkan pelbagai kaedah pentaksiran untuk rujukan pengajar:

**Jadual 10: Cadangan Kaedah Pentaksiran**

| <b>Kaedah Pentaksiran</b>   | <b>Kandungan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                         | <b>Mod Penilaian</b>                                            |
|-----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1. Laporan kerja khusus     | Pembentangan laporan kerja khusus sama ada dalam bentuk penulisan atau praktikal boleh menilai keupayaan pembelajaran pelajar secara komprehensif, termasuk pemikiran konsep bertema, pencarian data, analisis dan integrasi, kaedah persembahan dan lain-lain lagi.                     | Penilaian Formatif<br>Penilaian Sumatif<br>Penilaian Diagnostik |
| 2. Pembentangan dalam kelas | Pembentangan dalam kelas terutamanya digunakan untuk menilai kemampuan praktikal pelajar, cara-cara pembentangan yang kreatif dan kemahiran teknik persembahan. Cara-cara penilaian termasuk pengkaryaan berkumpulan, persembahan karya pendek, pembuatan peralatan prop dan sebagainya. | Penilaian Formatif<br>Penilaian Sumatif<br>Penilaian Diagnostik |
| 3. Laporan dapatan          | Penulisan ulasan karya persembahan, atau laporan dapatan boleh mencerminkan pemikiran kontekstual dan proses refleksi peribadi pelajar terhadap seni persembahan.                                                                                                                        | Penilaian Formatif<br>Penilaian Sumatif<br>Penilaian Diagnostik |
| 4. Semakan rakan sebaya     | Semakan rakan sebaya adalah sesuai untuk aktiviti berkumpulan dan berinteraksi. Semakan ini boleh meningkatkan pelbagai keupayaan pelajar melalui pemerhatian, penghargaan, penilaian dan peluahan pandangan terhadap hasil karya rakan-rakan sebaya.                                    | Penilaian Formatif<br>Penilaian Diagnostik                      |
| 5. Penghasilan produksi     | Penghasilan produksi adalah satu aktiviti utama bagi setiap sesi tahun persekolahan. Penghasilan produksi boleh digunakan untuk menilai hasil pembelajaran pelajar dalam semua aspek seni persembahan, termasuk                                                                          | Penilaian Formatif<br>Penilaian Sumatif<br>Penilaian Diagnostik |

|  |                                                                                                                      |  |
|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
|  | kemahiran teknik, kreativiti, persembahan dan lakonan, pelaksanaan, kerja berpasukan, komunikasi dan lain-lain lagi. |  |
|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|

### 9.3. Cadangan Rubrik Pentaksiran

Dalam aktiviti kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan”, pentaksiran boleh dilakukan daripada tiga aspek utama, iaitu ‘pengkaryaan’, ‘persembahan’ dan ‘apresiasi’. Selain itu, pentaksiran juga boleh dilanjutkan kepada aspek yang berkaitan seperti ‘sikap tingkah laku’ dan ‘perancangan acara’. Tidak kira apa jenis kaedah pentaksiran (seperti penghasilan produksi, pembentangan dalam kelas atau laporan dapatan), pengajar boleh menilai tahap hasil pembelajaran pelajar mengikut aspek yang dititikberatkan oleh pengajar. Berikutnya adalah cadangan rubrik pentaksiran bagi ‘pengkaryaan’, ‘persembahan’, ‘apresiasi’ dan ‘sikap perlakuan’. Pengajar boleh mengubahsuai butiran rubrik mengikut situasi, atau melanjutkan rubrik pentaksiran untuk aspek-aspek yang lain. Pengajar juga boleh mengambil keputusan sama ada untuk menggunakan markah sebagai penunjuk pentaksiran.

**Jadual 11: Cadangan Rubrik Pentaksiran untuk ‘Pengkaryaan’**

|                                      | <b>Cemerlang<br/>(30-40)</b>                                                                             | <b>Baik<br/>(20-29)</b>                                                                                                    | <b>Memuaskan<br/>(10-29)</b>                                                                                                  | <b>Lemah<br/>(1-9)</b>                                                                                                                | <b>Gagal<br/>(0)</b>                                                   |
|--------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| <b>Penguasaan bentuk persembahan</b> | Karya memiliki susunan dan struktur yang jelas dan lengkap, serta menunjukkan tema kandungan sepenuhnya. | Karya memiliki susunan dan struktur yang bersesuaian, serta menunjukkan kandungan berkait rapat dengan bentuk persembahan. | Karya memiliki susunan dan struktur yang asas, serta menunjukkan perkaitan yang asas antara kandungan dan bentuk persembahan. | Karya memiliki susunan dan struktur yang lemah, serta menunjukkan perkaitan antara kandungan dan bentuk persembahan yang tidak jelas. | Karya tidak memiliki susunan dan struktur.                             |
| <b>Pemikiran kreatif</b>             | Ekspresi karya adalah sangat unik dan menunjukkan pelbagai kreativiti.                                   | Ekspresi karya adalah menonjol dan menunjukkan pelbagai kreativiti pada tahap tertentu.                                    | Ekspresi karya adalah sederhana dan menunjukkan kreativiti secara bertaburan.                                                 | Ekspresi karya adalah lemah dan menunjukkan kreativiti yang terhad.                                                                   | Karya tidak menunjukkan sebarang kreativiti, atau disyaki plagiarisme. |

|                                           | <b>Cemerlang<br/>(30-40)</b>                                                                                 | <b>Baik<br/>(20-29)</b>                                                                          | <b>Memuaskan<br/>(10-29)</b>                                                              | <b>Lemah<br/>(1-9)</b>                                                                     | <b>Gagal<br/>(0)</b>                      |
|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| <b>Penggunaan elemen seni persembahan</b> | Penggunaan, pembangunan, dan penyusunan pelbagai elemen seni persembahan secara berkesan pada tahap optimum. | Penggunaan, pembangunan, dan penyusunan pelbagai elemen seni persembahan pada tahap bersesuaian. | Penggunaan, pembangunan, dan penyusunan pelbagai elemen seni persembahan pada tahap asas. | Penggunaan, pembangunan, dan penyusunan pelbagai elemen seni persembahan pada tahap lemah. | Tiada penggunaan elemen seni persembahan. |

**Jadual 12: Cadangan Rubrik Pentaksiran untuk ‘Persembahan’**

|                            | <b>Cemerlang<br/>(30-40)</b>                                                                                                                                                              | <b>Baik<br/>(20-29)</b>                                                                                                                                                   | <b>Memuaskan<br/>(10-29)</b>                                                                                                                                 | <b>Lemah<br/>(1-9)</b>                                                                                                                                                   | <b>Gagal<br/>(0)</b>       |
|----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| <b>Persembahan fizikal</b> | Mempunyai kesedaran keberadaan badan yang sangat tinggi, boleh mempersembahkan susunan pergerakan yang lengkap, serta menunjukkan kualiti pergerakan yang mengandungi pelbagai perincian. | Mempunyai kesedaran keberadaan badan yang baik, boleh mempersembahkan susunan pergerakan yang lengkap secara kasar, serta menunjukkan kualiti pergerakan yang terperinci. | Mempunyai kesedaran keberadaan badan yang asas, boleh mempersembahkan susunan pergerakan yang asas, serta jelas menunjukkan kualiti pergerakan yang kontras. | Mempunyai kesedaran keberadaan badan yang lemah, tidak dapat menunjukkan bentuk pergerakan badan yang asas, dan tidak dapat menunjukkan tekstur pergerakan yang berbeza. | Tiada persembahan fizikal. |

|                                    | <b>Cemerlang<br/>(30-40)</b>                                                                                                                   | <b>Baik<br/>(20-29)</b>                                                                                                                              | <b>Memuaskan<br/>(10-29)</b>                                                                                                                 | <b>Lemah<br/>(1-9)</b>                                                                                                                                | <b>Gagal<br/>(0)</b>     |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| <b>Persembahan bunyi dan vokal</b> | Peka menggunakan pelbagai perubahan bunyi buatan manusia dan alam semula jadi untuk meluahkan emosi dan idea dengan jelas dan berkesan.        | Boleh menggunakan pelbagai perubahan bunyi buatan manusia dan alam semula jadi untuk meluahkan emosi dan idea yang berlainan.                        | Boleh menggunakan pelbagai perubahan bunyi buatan manusia dan alam semula jadi secara asas untuk meluahkan emosi dan idea yang terus terang. | Sekali-sekala menggunakan pelbagai perubahan bunyi buatan manusia dan alam semula jadi untuk meluahkan sebilangan kecil emosi dan idea.               | Tiada persembahan bunyi. |
| <b>Persembahan emosi</b>           | Boleh mempersembahkan perubahan yang halus dalam meluahkan pelbagai emosi melalui pergerakan badan dan ekspresi muka yang jelas dan fleksibel. | Boleh meluahkan perubahan pelbagai emosi melalui pergerakan badan dan ekspresi muka.                                                                 | Boleh meluahkan emosi tertentu melalui pergerakan badan dan ekspresi muka.                                                                   | Sekali-sekala meluahkan satu-satu emosi melalui pergerakan badan dan ekspresi muka.                                                                   | Tiada persembahan emosi  |
| <b>Pembinaan watak</b>             | Boleh mengintegrasikan pelbagai media seperti suara, pergerakan badan, ekspresi muka dan lain-lain lagi secara konsisten untuk menunjukkan     | Boleh mengintegrasikan pelbagai media seperti suara, pergerakan badan, ekspresi muka dan lain-lain lagi untuk menunjukkan kebanyakan ciri-ciri watak | Boleh mengintegrasikan pelbagai media seperti suara, pergerakan badan, ekspresi muka dan lain-lain lagi secara sederhana untuk menunjukkan   | Mengintegrasikan pelbagai media seperti suara, pergerakan badan, ekspresi muka dan lain-lain lagi secara lemah atau tidak konsisten untuk menunjukkan | Tiada pembinaan watak.   |

|  | <b>Cemerlang<br/>(30-40)</b>                                                       | <b>Baik<br/>(20-29)</b>                              | <b>Memuaskan<br/>(10-29)</b>                                                   | <b>Lemah<br/>(1-9)</b>                                                         | <b>Gagal<br/>(0)</b> |
|--|------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
|  | ciri-ciri watak yang kompleks seperti penampilan luaran, niat perlakuan dan sikap. | seperti penampilan luaran, niat perlakuan dan sikap. | ciri-ciri watak yang asas seperti penampilan luaran, niat perlakuan dan sikap. | ciri-ciri watak yang asas seperti penampilan luaran, niat perlakuan dan sikap. |                      |

**Jadual 13: Cadangan Rubrik Pentaksiran untuk ‘Apresiasi’**

|                                              | <b>Cemerlang<br/>(16-20)</b>                                                                                                          | <b>Baik<br/>(11-15)</b>                                                                                                    | <b>Memuaskan<br/>(6-10)</b>                                                                                            | <b>Lemah<br/>(1-5)</b>                                                                                                                    | <b>Gagal<br/>(0)</b>                                      |
|----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| <b>Pemahaman dan penyampaian pengetahuan</b> | Boleh memahami pengetahuan yang berkaitan dengan mendalam, menerangkan kandungan dengan tepat dan berkesan untuk menyampaikan maksud. | Boleh memahami pengetahuan yang berkaitan secara sederhana, menerangkan kandungan dengan tepat untuk menyampaikan maksud.  | Boleh memahami pengetahuan yang berkaitan secara asas, menerangkan kandungan secara ringkas untuk menyampaikan maksud. | Kurang memahami pengetahuan yang berkaitan, sehingga tidak mencukupi untuk menerangkan kandungan dan menyampaikan maksud dengan berkesan. | Tidak menunjukkan pemahaman atau penyampaian pengetahuan. |
| <b>Analisis dan ulasan karya</b>             | Mampu menganalisis sesuatu karya dari pelbagai perspektif secara mendalam, menyampaikan ulasan yang berkesan dan pandangan yang unik. | Mampu menganalisis sesuatu karya dari kebanyakan perspektif, menyampaikan ulasan dan pandangan keseluruhan yang munasabah. | Mampu menganalisis sesuatu karya secara sederhana, menyampaikan sebahagian ulasan dan pandangan yang munasabah.        | Menganalisis sesuatu karya secara lemah, menyampaikan sebilangan kecil ulasan dan pandangan yang munasabah.                               | Tiada analisis atau ulasan terhadap karya.                |

**Jadual 14: Cadangan Rubrik Pentaksiran untuk ‘Sikap perlakuan’**

|                                | <b>Cemerlang<br/>(16-20)</b>                                                                                                                                        | <b>Baik<br/>(11-15)</b>                                                                                                                           | <b>Memuaskan<br/>(6-10)</b>                                                                                                                          | <b>Lemah<br/>(1-5)</b>                                                                                                                             | <b>Gagal<br/>(0)</b>                                                                                               |
|--------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengurusan masa</b>         | Dapat menghantar kerja tepat pada masanya dan mengekalkan kualiti kerja yang baik.                                                                                  | Dapat menghantar kerja tepat pada masanya dan memberi perhatian kepada kualiti kerja.                                                             | Dapat mengawal masa penghantaran kerja, dan perlu diberikan peringatan untuk menjaga kualiti kerja.                                                  | Pengurusan masa perlu diperbaiki, dan perlu kerap diberikan peringatan untuk menjaga kualiti kerja.                                                | Kerja atau tugas tidak dapat dihantar.                                                                             |
| <b>Kerja berpasukan</b>        | Ahli boleh menyampaikan pendapat sepenuhnya, menghormati antara satu sama lain, menyusun idea dengan berkesan dan semua ahli menyumbangkan kemahiran masing-masing. | Ahli boleh menyampaikan pendapat, menghormati satu sama lain, menyusun kebanyakan idea dan kebanyakan ahli menyumbangkan kemahiran masing-masing. | Ahli boleh berkomunikasi secara sederhana, menyusun sebilangan idea, dan hanya sebilangan kecil ahli yang menyumbangkan kemahiran.                   | Ahli tidak dapat berkomunikasi secara berkesan, idea adalah bersifat berat sebelah dan kebanyakan ahli gagal memainkan peranan mereka dengan baik. | Tiada komunikasi dan kerjasama di kalangan ahli, sehingga tidak dapat menyelesaikan tugas berkumpulan.             |
| <b>Ekspresi dan Komunikasi</b> | Berbudi bahasa, sopan, mampu menyampaikan maksud dengan tenang dan jelas, serta mahir mendengar secara aktif, tidak menggunakan kata-kata yang menyinggung          | Berbudi bahasa, mampu menyampaikan maksud dengan jelas, bersedia untuk mendengar, dan tidak menggunakan kata-kata yang menyinggung perasaan.      | Berbudi bahasa secara sederhana, boleh menyampaikan maksud dan mendengar pendapat orang lain setelah dibimbing. Seseekali menggunakan kata-kata yang | Kurang sopan, menyampaikan maksud secara terhad dan mendengar pendapat orang lain secara sederhana walaupun setelah dibimbing. Sering              | Tahap “Gagal” adalah tidak berkenaan di sini kerana pelajar diberikan bimbingan dan bantuan berdasarkan kemampuan. |

|                           |                                                                                                                  |                                                                                                         |                                                                                                   |                                                                                                         |                                              |
|---------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
|                           | perasaan.                                                                                                        |                                                                                                         | kurang sesuai.                                                                                    | menggunakan perkataan yang tidak sesuai.                                                                |                                              |
| <b>Sikap pembelajaran</b> | Aktif dan serious semasa pembelajaran, bersedia untuk belajar dan mengambil inisiatif untuk menyelesaikan tugas. | Aktif dan serious semasa pembelajaran, bersedia untuk belajar dan boleh menyelesaikan kebanyakan tugas. | Sesekali hilang fokus semasa pembelajaran, boleh menyelesaikan tugas dengan diberikan peringatan. | Selalu hilang fokus semasa pembelajaran, tidak dapat menyelesaikan tugas walaupun diberikan peringatan. | Tidak hadir atau ponteng kelas tanpa alasan. |

## 10. Pelaksanaan

### 10.1 Kemudahan fizikal

- Kelas aktiviti pelbagai fungsi: Syarat minimum adalah ruang yang lapang dan rata sama ada tertutup atau terbuka. Sekiranya mampu memiliki kelas aktiviti, dicadangkan bahawa lantai diperbuat daripada kayu dan ditutupi dengan tikar (*floor mat*) untuk memudahkan aktiviti fizikal dan mengurangkan kecederaan sukan. Cermin dipasang untuk semakan dan pembetulan postur badan. Tirai tarik boleh dipasangkan untuk menutup cermin apabila cermin tidak diperlukan. Kelas aktiviti juga boleh dilengkapi dengan papan putih boleh alih, sistem suara akustik, projektor, komputer dan peralatan lain-lain lagi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- Sudut sumber seni persembahan: Satu kawasan boleh disediakan di dalam kelas aktiviti untuk meletakkan bahan bacaan, bahan audio-visual dan arkib aktiviti yang berkaitan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran sendiri pelajar.
- Bilik peralatan dan kostum: Menyimpan koleksi peralatan dan kostum yang boleh diguna semula.

### 10.2 Kemudahan perisian sokongan


- Menghubung atau membina pelbagai rangkaian pengajaran dalam talian, serta memperoleh perisian pembelajaran seni persembahan yang berkaitan.
- Perisian penggunaan yang berkaitan dengan seni persembahan seperti suntingan video, suntingan muzik, pemprosesan imej dan reka bentuk boleh dipasang ke komputer di kelas aktiviti untuk menyokong pengkaryaan pelajar.

### 10.3. Jalinan komuniti

- Jalinan komuniti merupakan salah satu skop pembelajaran bagi kursus “Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan”. Dengan menggunakan pelbagai sumber kebudayaan daripada komuniti, pelajar boleh menjalankan pemerhatian dan kajian tempatan serta menganjurkan pelbagai kegiatan seperti persembahan komuniti.
- Menjemput artis tempatan untuk mengendalikan syarahan atau bengkel, supaya pelajar lebih mendalami pengetahuan dan memahami kerjaya dalam bidang seni persembahan.
- Jalinan dengan teater tempatan dan industri kreatif. Pelajar berpeluang menjalankan pembelajaran di luar kampus, seperti tontonan persembahan, lawatan ruang persembahan dan lain-lain lagi.

## 11.Lampiran

### Lampiran 1: Domain Kognitif, Psikomotor, dan Afektif



Rajah 4: Domain Kognitif, Psikomotor, dan Afektif

## Lampiran 2: Bahan rujukan

Berikut adalah buku rujukan seni persembahan, yang boleh dirujuk oleh pengajar dalam penyediaan pelajaran atau reka bentuk aktiviti.

### Tarian

1. Au, S. (2002). *Ballet and Modern Dance*. Thames & Hudson World of Art.
2. Gilbert, A. G. (1992). *Creative Dance for All Ages*. The American Alliance for Health, Physical Education, Recreation and Dance.
3. Gilbert, A. G. (2006). *Brain-Compatible Dance Education*. Human Kinetics.
4. Gonzales, J. (2019). *Koreografi kontemporari Malaysia*. SIRD.
5. Halprin, A. (2002). *The Body Can Speak: Essay on Creative Movement Education with Emphasis on Dance and Drama*. Southern Illinois University.
6. Lloyd, M.L. (2014). *Creative dance: A manual for teaching all ages*. University of Malaya Press.
7. McCarthy, B. N. (2017). *Dance Pedagogy for a Diverse World*. McFarland & Company.
8. Mohd Anis, M.N. & Burridge, S. (Eds.) (2011). *Sharing identities: Celebrating dance in Malaysia*. Routledge.
9. Mohd Anis, M.N. (1998). Malaysia. In Zainal Abiddin, T. (Ed.). *The dances of ASEAN* (pp. 90-127). ASEAN Committee on Cultural and Information.
10. Smith-Autard, J.M. (2002) *The Art of Dance in Education*. Methuen Drama.
11. Stinson, S.W.(2016). *Embodied Curriculum Theory and Research in Arts Education: A Dance Scholar's Search for Meaning*. Springer Publisher.
12. 伍曼丽主编（2001）。《舞蹈欣赏》。五南。
13. 尧兆斌总主编（2020）。《当代马来西亚：文化与艺术》。华社研究中心。
14. 李立亨（2000）。《我的看舞随身书》。天下文化。
15. 李宗芹（2002）。《非常爱跳舞：创造性舞蹈的心体验》。心灵文化。
16. 张中媛（2007）。《创造性舞蹈宝典：打通九年一贯舞蹈教学之经脉》。国立台北艺术大学。
17. 欧建平（2017）。《向舞者致敬：全球顶尖舞团的过去、现在与未来（五版）》。华兹出版。

### Teater

1. Boal, A. （2020）。《给演员与非演员的游戏》（赖淑雅翻译）。书林。
2. Blenkinsop, S. (Ed.) （2013）。《想像力教育》（林心茹翻译）。远流。

3. Heathcote, D., Bolton, G. (2006) 《戏剧教学》(郑黛琼、郑黛君翻译)。心理。
4. Itkin, B. (1997) 《表演学：准备、排演、表演》(涂瑞华翻译)。亚太。
5. Robert, L.L. (2001) 《剧场概论与欣赏》(叶子启翻译)。扬智。
6. Salisbury, B. (1994) 《创作性儿童戏剧入门》(林玫君编译)。心理。
7. Spolin, V. (1998) 《剧场游戏指导手册》(区曼玲翻译)。书林。
8. Stanislavsky, K.C. (2006) 《演员自我修养》(林陵、史敏徒翻译)。中国电影。
9. Stern, L. (2009) 《舞台管理》(李雯雯翻译)。北京大学。
10. Tassel, K. V., Greimann, M. (1986) 《创意性肢体活动》(江惠莲翻译)。信谊基金。
11. 白碧华 (2007) 《偶来说故事》。菁品文化。
12. 刘家荣 (2019) 《戏剧教育：从马来西亚剧场教学委员会、TEA 剧场到TEAM 聚团的25年》。TEAM 聚团。
13. 陈晞如监制 (2016) 《儿童戏剧改编·实验·创作》。新锐文创。
14. 李立亨 (2000) 《我的看戏随身书》。天下远见。
15. 张丽玉, 罗家玉 (2015) 《游戏儿童》。日月文化。
16. 张晓华 (1999) 《创作性戏剧原理与实作》。财团法人成长文教基金会。
17. 林玫君 (2016) 《儿童戏剧教育》。复文图书。
18. 胡宝林 (1996) 《戏剧与行为表现力》。远流。
19. 黄致凯 (2014) 《李国修编导演教室》。平安文化。
20. 游乾桂 (1990) 《启发孩子的创造力》。远流。